



Laporan Tahunan MACA

Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah



Laporan Tahunan MACA

Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah

Sidang

Pengerusi

KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar

Ketua Pengarang

PsK Abdul Malek bin Abdullah

Pengarang

Pn. Norul Hazlina binti Mohamed Atar

Pn. Hairulnisak binti Kassim

Editor

PsK Shani bin Mandu

PsK (K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah

Ps Mazri bin Mansor

Ps Wan Mohd Shukry bin Wan Ahmad

PPs Nor Muhammad Shafiq bin Abdul Aziz

Grafik

P/PKPs Nora binti Bahrain

PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohd Dœe

Penyumbang Bahan

Pn. Noor Hasni binti Abdul Rahim

En. Saidin Omar bin Muchlis

Pn. Suryana binti Sulaihin

Akronim

Ketua Pesuruhjaya	KPj
Timbalan Ketua Pesuruhjaya	TKPj
Pesuruhjaya	Pj
Timbalan Pesuruhjaya	TPj
Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya	KPKPj
Penolong Kanan Pesuruhjaya	PKPj
Penolong Pesuruhjaya	PPj
Penguasa Kanan	PsK
Penguasa	Ps
Ketua Penolong Kanan Penguasa	KPKPs
Penolong Kanan Penguasa	PKPs
Penolong Penguasa	PPs


KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM	i
MUTIARA KATA	
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN & PROFESIONALISME) SPRM	ii
PERUTUSAN PENGARAH MACA	iii
DARI MEJA KETUA PENGARANG	iv
PROFIL KORPORAT	1
◎ Ringkasan Eksekutif	
◎ Visi & Misi	
◎ Objektif	
◎ Piagam Pelanggan	
◎ Kumpulan Sasaran	
◎ Carta Organisasi & Kepimpinan MACA	
PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN	13
ANTARABANGSA	25
AKADEMIK	35
INTEGRITI	45
MODAL INSAN	57
PENGURUSAN	83
KELAB KEBAJIKAN & REKREASI MACA/ PUSPANITA MACA	99
IMBASAN	109

PERUTUSAN

KETUA PESURUHJAYA SPRM

KPj DATUK SERI AZAM BIN BAKI



Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan semangat kerja berpasukan yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang sentiasa menyokong SPRM dalam usaha untuk membanteras jenayah rasuah di Malaysia secara berterusan.

Penubuhan MACA adalah selari dengan MISI SPRM untuk mencapai visi utamanya menjadi agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia. MACA bukan hanya melahirkan modal insan dalam kalangan penguatkuasa yang menyarung seragam SPRM, malah turut mempunyai kapasiti dan kapabiliti untuk menyebarkan luas mekanisme pencegahan rasuah dan integriti kepada sektor-sektor awam dan swasta yang menjalani latihan bersama MACA. Hal ini terbukti apabila seramai 3,344 daripada 5,100 peserta melalui pelaksanaan 175 program latihan sepanjang 2019 merupakan pegawai daripada sektor awam dan swasta.

Sebagai sebuah hub latihan yang menyediakan program latihan berdasarkan amalan terbaik (best practice) yang diiktiraf oleh Persidangan Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu [United Nation Convention Against Corruption (UNCAC)], MACA turut berfungsi sebagai penghubung di antara SPRM dengan agensi antarabangsa. Pengiktirafan tersebut menjulang nama SPRM di peringkat global dan menjadikan SPRM sebagai sumber rujukan dalam isu-isu berkaitan pencegahan rasuah. Maka tidak hairanlah apabila Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republik Uzbekistan mengiktiraf MACA sebagai penanda aras akademi pencegahan rasuah terbaik dunia pada persidangan antarabangsa sempena ulang tahun pertama Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republik Uzbekistan di Tashkent, Uzbekistan pada 16 dan 17 Mei 2019 lalu.

Bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pegawai SPRM, Program Akreditasi Kursus Latihan Asas Pegawai SPRM dengan kerjasama Nottingham Trent University, United Kingdom telah dilaksanakan untuk Penguasa SPRM Gred P41 dalam program latihan Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7). Sebelum itu, program latihan Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-

Corruption Studies (Level 5) untuk Penolong Penguasa SPRM Gred P29 telahpun dilaksanakan mulai tahun 2018.

Adalah amat penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada para peserta difahami dan dipraktikkan di sektor masing-masing bagi mewujudkan masyarakat yang bebas daripada rasuah. Sesungguhnya, tanggungjawab mengekang budaya rasuah bukan hanya digalas oleh SPRM sahaja, malah ia perlu dipikul bersama oleh seluruh warga Malaysia untuk direalisasikan. Pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 telah memperuntukkan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 iaitu liabiliti korporat yang membabitkan kesalahan oleh Organisasi Komersial yang akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Justeru, MACA memainkan peranan penting dengan menganjurkan pelbagai sesi bengkel dan taklimat dalam usaha untuk menyebarkan luas maklumat bagi memberi kefahaman kepada semua pihak yang terlibat sebelum Rang Undang-undang tersebut dikuatkuasakan sepenuhnya.

Saya percaya, MACA berpotensi dan mempunyai peluang cerah untuk berkembang sebagai sebuah universiti pencegahan rasuah terulung di rantau ini pada masa akan datang.

Syabas dan tahniah diucapkan!



MUTIARA KATA
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA
(Pengurusan & Profesionalisme) SPRM

**TKPJ DATO' JUNIPAH
BINTI WANDI**

“ MENYELAMATKAN NEGARA DARIPADA LEMBAH RASUAH ADALAH AMANAH YANG PERLU KITA GALAS BERSAMA. SEPERTI MANA UNGKAPAN IMAM AL-GHAZALI; ‘HAL YANG PALING BERAT DI DUNIAINI IALAH MEMEGANG AMANAH’. NAMUN, KITA PERLU YAKIN BAHAWA KITA MAMPU MELAKSANAKANNYA BERSAMA-SAMA. ”



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السُّلْطَانِ الْأَمِيرِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ فَاتَّمُوا

Alhamdulillah, Laporan Tahunan MACA 2019 dapat dihasilkan bagi mendokumentasi dan merakamkan segala program serta aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Ia juga merupakan bukti hasil komitmen dan kesungguhan seluruh warga kerja MACA dalam memberikan khidmat bakti berkualiti demi mencapai visi MACA iaitu untuk "Menjadi Sebuah Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah Bertaraf Serantau Dan Antarabangsa".

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 175 program latihan telah berjaya dilaksanakan melibatkan seramai 5,100 peserta keseluruhannya. Pencapaian pelaksanaan program latihan tersebut meningkat 69.9 peratus berbanding tahun 2018 berikutan permintaan yang amat menggalakkan terhadap beberapa program latihan baru yang diperkenalkan oleh MACA. Program-program latihan tersebut dirancang berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) yang telah dikaji dengan teliti berdasarkan kehendak semasa klien SPRM.

Tahun 2019 merupakan tahun penting yang menyaksikan kesinambungan perancangan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pegawai-pegawai SPRM dilaksanakan. Setelah berjaya merealisasikan kerjasama bersama Nottingham Trent University, United Kingdom bagi Program Akreditasi Kursus Latihan Asas Pegawai SPRM untuk Penolong Penguasa SPRM Gred P29 Cohort 1 iaitu Program Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5), MACA terus melangkah ke hadapan dengan melaksanakan Program Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7) untuk Pegawai Kadet SPRM Gred P41 Cohort 1 pula.

Misi membangunkan modal insan ini turut membuka peluang kepada warga kerja SPRM yang sedang berkhidmat, terutamanya pegawai badan SPRM untuk meningkatkan tahap penguasaan ilmu pengetahuan mereka dengan menyertai program latihan bersama agensi-agensi bertauliah dalam bidang kepakaran masing-masing. Usaha ini diharap dapat melonjakkan keupayaan dan kecekapan warga kerja SPRM ke tahap yang lebih membanggakan pada masa akan datang.

Selain itu, MACA turut menyahut saranan pihak kerajaan untuk menyebar luas mesej antirasuah kepada agensi dan jabatan dalam sektor awam dan swasta. Pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat membabitkan organisasi komersial di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang bakal berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 menjadikan nama MACA meniti di bibir agensi dan jabatan swasta yang berminat untuk membuat persediaan rapi sebelum tempoh pelaksanaannya kelak.

Akhir sekali, terima kasih kepada Pucuk Pimpinan Tertinggi SPRM yang sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada MACA untuk merealisasikan fungsinya. Syabas dan tahniah kepada semua warga kerja MACA atas khidmat yang cemerlang. Saya berharap agar momentum dan gerak kerja berprestasi tinggi sepanjang tahun 2019 ini dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi untuk menjadikan SPRM sentiasa relevan. Semoga segala perjuangan menentang rasuah dan salah guna kuasa ini diper mudahkan oleh yang Maha Esa.

TPJ DATO' HJ. IDRIS BIN ZAHARUDIN



**DARI MEJA KETUA PENGARANG
KETUA PUSAT PERANCANGAN,
PENYELIDIKAN & KORPORAT MACA**

PSK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى عَلَيْكُمْ وَبَارَكَاتُهُ

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah Kurnia Nya Laporan Tahunan MACA 2019 telah dapat diterbitkan bagi penerbitan tahun ini. Selaku Ketua Pengarang bagi penerbitan kali ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada semua warga MACA yang terlibat khususnya Sidang Redaksi daripada Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat, MACA dan ahli Jawatankuasa lain yang telah bertungkus-lumus dan berganding bahu dalam menjayakan penerbitan ini.

Agenda memperkasa modal insan melalui pengukuhan aspek pengetahuan dan kemahiran sentiasa menjadi fokus utama dalam melaksanakan program latihan di MACA. Umum tahu, SPRM merupakan agensi tunggal di Malaysia yang menjalankan peranan sebagai agensi yang menguatkuasa undang-undang untuk membanteras Jenayah rasuah. Sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang yang menggalas tugas membanteras Jenayah rasuah, pengetahuan mendalam dan skil yang tinggi merupakan elemen penting bagi memastikan tugas-tugas seperti pengesanan Jenayah rasuah, siasatan terhadap kes-kes rasuah, pendakwaan di peringkat mahkamah dan mendidik masyarakat untuk membenci Jenayah rasuah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Seajar dengan itu, adalah menjadi aspirasi MACA untuk mempertingkatkan kualiti dan kecemerlangan latihan yang disediakan dari semasa ke semasa kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

Selain memperkasa pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan yang diterajui MACA, tanggungjawab meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam, swasta dan antarabangsa dalam usaha pencegahan Jenayah rasuah melalui perkongsian bestari dan strategik juga merupakan agenda utama program latihan MACA. Bagi meningkatkan penglibatan sektor awam dan GLC menghadiri program latihan pencegahan rasuah di MACA, pengiktirafan sebagai penyedia latihan (*training provider*) yang didaftarkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) (Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001) telah diperolehi pada 13 Jun 2017 sehingga 1 Mei 2021. Pengiktirafan sebagai penyedia latihan berdaftar ini secara tidak langsung mengiktiraf peranan MACA sebagai pusat latihan pencegahan rasuah berkaliber dan dapat menggalakkan sektor swasta dan GLC untuk menjalani program latihan berkaitan pencegahan rasuah di MACA secara berterusan.

Akhir kata, saya bagi pihak sidang redaksi sekali lagi mengucapkan Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Laporan Tahunan MACA 2019. Semoga komitmen dan semangat jitu yang ditunjukkan oleh warga MACA pada tahun 2019 dapat diteruskan pada tahun mendatang selaras dengan visi MACA ‘Menjadi Sebuah Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah Bertaraf Serantau dan Antarabangsa’.





PROFIL KORPORAT

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2019 telahpun melabuhkan tirainya. SPRM melalui MACA telahpun melaksanakan segala perancangan sepanjang tahun dengan sehabis baik bagi menjunjung martabat bangsa dan negara yang bersih daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa melalui konteks pengajaran dan pembelajaran. Perancangan tersebut meliputi pelbagai aspek yang melibatkan warga SPRM, agensi dan jabatan di sektor awam dan swasta serta agensi antarabangsa.

PROGRAM LATIHAN “*LEGAL REQUIREMENT FOR CERTIFICATION BODY MS ISO 37001:2016 (ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM-ABMS)*” : NATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN (NACP)

NATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN (NACP) merupakan pelan bersepadu yang digubal khas bagi memerangi rasuah dengan menggariskan 6 bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha membanteras rasuah. 6 strategi telah dikenalpasti membawa kepada 17 objektif strategik yang memayungi 115 inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang serta turut melibatkan SPRM.

Program latihan “*Legal Requirement For Certification Body MS ISO 37001:2016 (Anti-Bribery Management System-ABMS)*” merupakan satu sistem pengurusan piawai yg diguna pakai oleh masyarakat antarabangsa dan dikawal selia serta dipantau oleh Jabatan Standard Malaysia. Program latihan ini diadakan bertujuan untuk melengkapkan juruaudit-juruaudit daripada badan-badan pensijilan dengan pengetahuan berkaitan undang-undang pencegahan rasuah, pengurusan risiko rasuah dan pengenalan kepada ABMS sebelum diakreditasikan.

SPRM merupakan pemilik tunggal program latihan ABMS ini dan pelaksanaan latihan dilakukan oleh MACA. Sasaran KPI MACA berjaya dicapai pada tahun 2019 dengan pelaksanaan sebanyak 2 program latihan melibatkan penyertaan 45 peserta.

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS DI SEMUA AGENSI AWAM DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

Penubuhan Unit Integriti dan Governans di semua agensi awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 Bil 1 Tahun 2018 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Dengan penubuhan Unit Integriti dan Governans ini, MACA memainkan peranan penting dalam menyediakan program latihan untuk memantapkan pengetahuan pegawai-pegawai yang ditugaskan di bawah Unit Integriti dan Governans agensi-agensi awam dan GLC tersebut. Antara program rintis yang telah dilaksanakan oleh MACA ialah program Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) Swasta bersama Johor Corporation (CeLO Swasta Siri 4 Bil.2/2018 - JCOP) dan program Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) Awam bersama Kerajaan Negeri Sarawak (CeLO Awam Siri 22 Bil.2/2019 - Kerajaan Negeri Sarawak).



SEKSYEN 17A: KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mengorak selangkah ke hadapan dengan memberi kesedaran dan pendedahan kepada pegawai-pegawai SPRM di seluruh negara untuk memperkasakan pengetahuan dan memberi penerangan yang lebih jelas kepada Pegawai SPRM mengenai Seksyen 17A Akta SPRM: Tatacara yang Mencukupi dan juga Garis Panduan Menteri yang bakal berkuatkuasa bermula 01 Jun 2020. 8 siri penjelajahan taklimat telah dilaksanakan oleh MACA bermula daripada 5 Disember 2018 hingga 18 April 2019 melibatkan seramai 1,028 pegawai SPRM dalam kalangan pegawai SPRM seluruh Malaysia.

Program ini turut diperluaskan kepada jabatan kerajaan, syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan melalui beberapa siri taklimat dan seminar. Sepanjang tahun 2019, MACA telah menyediakan latihan kepada 13 jabatan kerajaan serta 22 jabatan swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

UNIT PROTOKOL DAN ISTIADAT SPRM (UPIS) DAN PUSAT BAHASA MACA (MLC)

Mantan YBhg. Puan Ketua Pesuruhjaya SPRM telah meluluskan penubuhan Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) pada 13 September 2019. Unit tersebut berfungsi sepenuhnya di MACA dan terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti berkaitan protokol dan adat istiadat SPRM.

Manakala Pusat Bahasa MACA (MLC) ditubuhkan sebulan sebelumnya dengan menempatkan 2 tenaga pengajar bertauliah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) secara kontrak mulai Ogos 2019 untuk menyediakan program latihan Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris khusus untuk warga SPRM di seluruh Malaysia, di samping membantu dalam penyediaan dokumentasi SPRM.

ASPIRASI MACA 2020

Menjelang 2020, MACA telah menyusun strategi dalam aspek pendidikan bagi menghadapi cabaran yang dijangka semakin sukar rentetan kemajuan teknologi yang seiring dengan kelicikan perancangan jenayah global.

MACA akan mengorak langkah setapak ke hadapan untuk melaksanakan program latihan dalaman yang diakreditasi serta boleh memberikan *credit hours* kepada peserta yang menjalani kursus di MACA. Justeru, pegawai SPRM akan berpeluang untuk meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dengan cara mengumpul *credit hours* bagi membolehkan mereka memperolehi Sijil akademik yang bersesuaian.

Di samping itu, MACA turut berhasrat untuk memberikan lebih tumpuan kepada program latihan bertaualiah jangka pendek (*short course certification programme*) bagi meningkatkan dan melahirkan tenaga pengajar pakar (SME) dalam kalangan pegawai SPRM itu sendiri. Justeru, kolaborasi dengan agensi profesional bertaualiah (*certified professional bodies*) yang menyediakan latihan kepakaran yang diiktiraf akan dipertingkatkan.

Selain itu, dalam usaha untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti tenaga pengajar, MACA turut merancang untuk menyediakan program-program latihan lain yang boleh memberi nilai tambah kepada tenaga pengajar SPRM. Penekanan terhadap kualiti pendidikan yang cekap dan berkesan akan membawa kepada pembentukan sahsiah diri dan ilmu pengetahuan yang sempurna serta memberi kesan langsung terhadap kualiti kerja dan kualiti hidup peserta program latihan itu kelak.





VISI

MISI

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.

Menerajui modal insan pembangunan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;

1

Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari; dan

2

Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program pencegahan rasuah

3



1

Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;

2

Mengukuhkan Integriti dan Akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;

3

Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;

4

Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;

5

Memperluaskan usahasama (*collaboration*) dan kerjasama (*cooperation*) dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa;

6

Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan kapabiliti bagi masyarakat global.

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:

Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;

Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;

Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;

Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun;

Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;

Menyediakan laporan penilaian program latihan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program; dan

Memastikan penyampaian penceramah program latihan mendapat penilaian tidak kurang daripada lapan puluh (80) peratus.

KUMPULAN SASARAN

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mensasarkan program latihan untuk peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan empat kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. iaitu:



CARTA ORGANISASI

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA) 2019



BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2019)



TPj Dato' Hj. Idris Bin Zaharudin
Pengarah



KPKPj Zuhairie Bin Abu Bakar
Timbalan Pengarah
Pengurusan



TPj Dato' P. Ganason
A/L S. Periathamby
Timbalan Pengarah /
Ketua Pegawai Eksekutif
(sehingga 21 September 2019)



PKPj Irawan bin Khilir
Timbalan Pengarah
Akademik / Ketua Pusat
Pengajian Antarabangsa
(sehingga 01 September 2019)

BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2019)



PPj Glenn Lores

Ketua Pusat Pematuhan
Antirasuah Korporat



PPj Erfieza Bin Mujeini

Ketua Pusat Pembangunan
Integriti Korporat



PPj Zakaria Bin Taib

Ketua
Pusat Latihan Asas



P/PKPj Mohd Saud Ayutollah
Bin Abdul Manan

Ketua Pusat Kecemerlangan
Kepimpinan SPRM



PsK Abdul Malek
Bin Abdullah

Ketua Pusat Perancangan,
Penyelidikan dan Korporat



PsK Eldrin George

Ketua Pusat
Sekretariat Akreditasi



PsK (K) Wan Narmi Aziana
Binti Wan Abdullah

Ketua Pusat Bahasa MACA



Puan Katherene Shamala
A/P Nageswaran

Ketua Bahagian Pengurusan

BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2019)



**PPj Umi Kalusom
binti Ahmad**
**Ketua Sekolah
Penyiasatan dan Forensik**



PsK Huzaimi bin Husain
**Ketua Sekolah
Perisikan dan Pengesanan**



**PsK Vijayarao A/L
Sepermaniam**
**Ketua Sekolah
Perundangan dan
Pendakwaan**



**PsK Firdaus Bin
Umar @ Adli**
**Ketua Sekolah
Pencegahan Rasuah
dan Pengurusan**



Ps Mazri Bin Mansor
**Ketua Unit
Protokol dan Istiadat SPRM**



The background features a complex, abstract graphic design. It includes several hexagonal outlines in various colors (black, dark grey, light yellow, and purple) of different sizes. Numerous black arrows of varying lengths and directions are scattered throughout the composition, creating a sense of movement and flow. The overall aesthetic is modern and technical, suggesting a digital or industrial theme.

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN


PENCAPAIAN & PENGIFTIRAFAN

Sebagai sebuah Institut Latihan Awam ILA, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) masih teguh membangunkan modal insan berintegriti, kompeten dan profesional dalam usaha membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

PROGRAM LATIHAN TAHUNAN SPRM 2019

Pada tahun 2019, sebanyak 175 program latihan melibatkan 5,100 peserta telah dilaksanakan sebagai perkongsian amalan baik kepada semua peserta di peringkat warga SPRM, sektor awam, sektor swasta serta agensi-agensi antarabangsa. Ia mempamerkan peningkatan sebanyak 69.9 peratus bagi program latihan dan 81 peratus bagi penyertaan peserta tahun 2019 berbanding 2018 iaitu hanya 103 program latihan dilaksanakan dengan 2,818 penyertaan peserta.


Berikut merupakan pecahan program-program latihan yang dilaksanakan oleh MACA;



**KATEGORI
PROGRAM
LATIHAN TAHUNAN
SPRM 2019**



**PECAHAN KEHADIRAN
PESERTA PROGRAM
LATIHAN TAHUNAN
SPRM 2019**



PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK SPRM – NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITY (NTU), UK

Dalam usaha untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pegawai SPRM, satu anjakan paradigma telah dilaksanakan dengan menaik taraf Program Latihan Asas Pegawai SPRM kepada Program Akreditasi hasil kerjasama strategik SPRM bersama Nottingham Trent University, United Kingdom. Program kerjasama strategik ini merupakan salah satu daripada Indeks Prestasi Utama (KPI) SPRM yang telah MACA laksanakan bermula pada tahun 2018.

Program rintis Akreditasi *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)* untuk pegawai SPRM berjawatan Penolong Penguasa Gred P29 telah dilaksanakan bermula 1 Ogos 2018 dengan pengambilan 129 pegawai kadet SPRM (Cohort 1) yang telah tamat latihan pada bulan Jun 2019. Manakala Program Akreditasi *Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7)* bagi Pegawai Kadet SPRM Gred P41 pula seramai 56 orang bermula pada 13 Ogos 2019.

Sebagai seorang pegawai penguatkuasa, ketahanan fizikal, mental dan spiritual adalah amat penting bagi membentuk seorang pegawai SPRM yang kental dalam melaksanakan tugas yang mencabar kelak. Justeru, di samping melengkapkan modul-modul Program Akreditasi, pegawai kadet Level 5 dan Level 7 turut menjalani latihan asas berbentuk fizikal dan kerohanian.



MODUL TERAS



MACA DIKTIRAF OLEH AKADEMI PEJABAT PENDAKWA RAYA REPUBLIK UZBEKISTAN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mendapat jemputan khas ke persidangan antarabangsa sempena Ulang Tahun Pertama Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republik Uzbekistan (*Academy of the General Prosecutor's Office of the Republic of Uzbekistan*) di Tashkent, Uzbekistan.

Seminar bertemakan "*Enhancing Scientific and Educational Capacity in the Sphere of Law Enforcement Activities: Modern Tendencies and Prospects*" yang berlangsung pada 16 dan 17 Mei 2019 tersebut turut disertai oleh 500 peserta daripada Kazakhstan, Turkmenistan, Azerbaijan dan negara-negara di sekitarnya. Manakala SPRM telah diwakili oleh YBhg. Dato' P. Ganason a/l S. Periathamby, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat Pematuhan Antirasuah Korporat (CACCC), MACA. Dalam persidangan tersebut, Dato' P. Ganason turut diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucapan ringkas bagi pihak SPRM.

Mr. Uygun Nigmadjanov, Timbalan Ketua Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republic Uzbekistan yang merupakan bekas peserta Program Latihan "Senior Executive for Strategic Management of Anti-Corruption" anjuran MACA menyatakan bahawa MACA merupakan antara akademi pencegahan rasuah terbaik yang boleh dijadikan penanda aras bagi agensi penguatkuasa pencegahan rasuah yang lain kerana MACA menyediakan program latihan yang terkini dan sentiasa relevan dalam usaha menangani isu rasuah sejagat.



SEMINAR “MANAGING CORRUPTION AT THE WORKPLACE” DENGAN KERJASAMA MEF

Berkuatkuasa 1 Jun 2020, pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat membabitkan organisasi komersial di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 akan dikuatkuasakan. Justeru, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) mengambil peluang untuk bekerjasama dengan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) menganjurkan seminar “Managing Corruption at the Workplace” pada 17 Januari 2019 di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Sesi seminar tersebut yang menarik minat seramai 100 penyertaan daripada 30 buah syarikat swasta bertujuan memberi kesedaran tentang pencegahan rasuah, kesan rasuah kepada komuniti perniagaan dan mekanisme terbaik bagi melindungi perniagaan daripada amalan rasuah serta salah guna kuasa. Penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing telah membentangkan topik-topik penting dan hangat, antaranya; Pengarah Kanan Institut Integriti Malaysia, Dr Nizam Mohd Ali; Mantan Timbalan Pengarah (Akademik) MACA, KPKPj Abdul Razak Hamzah serta Timbalan Pendakwaraya SPRM, Pn Norzilati Izhani Zainal.

Pengarah MEF, Datuk Hj. Shamsuddin Bardan turut mengambil peluang membentangkan kertas kajian beliau bertajuk “Handling Disciplinary Matters and Highlights of Decided Court on Corruption at the Workplace”.



PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-62 KONTINJEN SPRM

Buat julung kalinya SPRM telah diberi kepercayaan untuk mengetuai Perarakan Segmen Ketenteraman Awam dan sesi bacaan Ikrar Rukun Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-62 Malaysia yang disambut gemilang di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2019. Tema ‘Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih’ menyaksikan kesungguhan kerajaan untuk membanteras jenayah rasuah habis-habisan.

Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) telah diberi kepercayaan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM untuk menggalas tanggungjawab bersama Pusat Latihan Asas, MACA, bagi merangka format perbarisan dan latihan yang sesuai bagi pasukan perbarisan SPRM khusus untuk program tersebut. Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut berbangga apabila KPKPj Zuhairie Abu Bakar, Timbalan Pengarah (Pengurusan), MACA diberi penghormatan untuk memimpin bacaan ikrar Rukun Negara dan melaungkan kalimah “Merdeka” sebanyak tujuh kali pada majlis tersebut. Laungan tersebut mengimbau kembali laungan sama yang dilafazkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Penyertaan SPRM dalam perbarisan Hari Kebangsaan ini adalah salah satu medium untuk memperkenalkan pakaian seragam SPRM di samping mendekatkan lagi SPRM dengan masyarakat Malaysia. Ia juga akan meningkatkan sokongan masyarakat terhadap SPRM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang antirasuah Malaysia.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berangkat sebagai tetamu utama pada majlis tersebut. Hadir sama, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Puan Latheefa Koya serta pegawai-pegawai kanan SPRM.



RAPTAI PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-62 2019: SEGMENT KETENTERAMAN AWAM



PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-62 2019: SEGMENT KETENTERAMAN AWAM



PENUBUHAN UNIT PROTOKOL DAN ISTIADAT SPRM (UPIS) DAN PUSAT BAHASA MACA (MLC)

UNIT PROTOKOL DAN ISTIADAT SPRM (UPIS)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan salah satu agensi penguatkuasa undang-undang utama di Malaysia. Pandangan dan persepsi orang ramai terhadap SPPR amat tinggi sehingga setiap gerak-geri dan tindakan pegawai dan kakitangan SPRM menjadi perhatian masyarakat Malaysia.

Pemakaian pakaian seragam mula diperkenalkan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada peserta kursus asas pegawai BPR yang pada ketika itu menjalani kursus asas di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur pada tahun 1999 dan diteruskan sehingga kini.

Sejajar dengan arus perkembangan BPR/SPRM pada ketika itu, pakaian seragam Review Order, Baju Istiadat dan Mess Kit turut diperkenalkan pada tahun 2007 semasa "Perbarisan Hari Ulang Tahun BPR ke 40" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Pakaian seragam Bush Jacket pula mula diperkenalkan oleh Pusat Latihan Asas (PLA), MACA pada tahun 2009 dan dipakai oleh Pegawai dan Jurulatih sebagai identiti tersendiri PLA pada ketika itu.

Bertitik tolak daripada "Mesyuarat Pengarah-Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Bilangan 3 Tahun 2019" pada 11 Julai 2019, YBhg. Puan Latheefa Koya selaku Ketua Pesuruhjaya pada ketika itu mencadangkan penubuhan "Unit Protokol" bagi memberi khidmat nasihat kepada pegawai-pegawai SPRM berhubung perkara-perkara berkaitan protokol terutamanya pemakaian seragam SPRM. Penempatan "Unit Protokol" dicadangkan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), SPRM. Manakala Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme, SPRM bertanggungjawab memantau aspek penguatkuasaan dan pematuhan protokol.

Kertas Cadangan berkaitan penubuhan Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) telah dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi SPRM pada 4 September 2019 dan dipersetujui dan diluluskan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 13 September 2019. "Unit Protokol dan Istiadat SPRM" atau UPIS kini berfungsi sepenuhnya di MACA dan terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti berkaitan protokol dan adat istiadat SPRM.



PUSAT BAHASA MACA (MLC)

D i samping itu, melihat daripada aspek global, MACA mengambil inisiatif untuk menempatkan 2 tenaga pengajar Bahasa Inggeris bertauliah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) secara kontrak mulai Ogos 2019 untuk mengemudi Pusat Bahasa MACA (MLC).

Secara umumnya, fokus utama MLC adalah untuk menyediakan program latihan Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris khusus untuk warga SPRM di seluruh Malaysia, di samping membantu dalam penyediaan dokumentasi SPRM terutamanya di MACA. Penubuhan Pusat Bahasa ini diharapkan dapat memupuk kebolehan dan kecekapan berbahasa Inggeris dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM dari segi penulisan, komunikasi dan pembacaan sekaligus memperkayakan pengetahuan dan pengalaman warga kerja SPRM.

Walaupun dengan sumber yang terhad, MLC tetap menjalankan tanggungjawabnya di MACA dalam merancang dan melaksanakan program latihan pelbagai bahasa untuk warga kerja SPRM. MLC kini dalam perancangan untuk menyediakan spektrum latihan yang lebih efektif dengan memperluaskan peranannya kepada agensi luar dengan memasukkan beberapa komponen Akta Suruhanjaya SPRM 2009 daripada sudut pandangan yang berbeza. English Language Proficiency for Basic Officer Accreditation Programme for Trainers dan English Communication Skills for MACA Administrative Staff adalah antara program latihan yang dianjurkan oleh MLC sepanjang tahun 2019.





The background features a complex abstract diagram composed of various geometric shapes, primarily hexagons, connected by a network of black lines and arrows. One prominent hexagon in the center has a double-lined border and contains two vertical arrows pointing upwards. Another hexagon to its right is solid black. The diagram is set against a light blue background with faint white grid lines. In the bottom right corner, there is a large, semi-transparent yellow shape with a purple diagonal band across it.

ANTARABANGSA

ANTARABANGSA

MACA BANTU IACA LAKSANAKAN MODUL VI DI MACA

Kesinambungan kerjasama antarabangsa berkaitan pencegahan rasuah diteruskan apabila MACA membantu International Anti-Corruption Academy (IACA), Austria untuk menyediakan kemudahan fasiliti dan menganjurkan modul ke VI Program Master of Arts in Anti-Corruption Studies (MACS) bagi modul "Corruption, Enforcement and the Public Sector" di MACA pada 17 hingga 25 Januari 2019.

Program tersebut merupakan program akademik pengajian antirasuah yang ditawarkan oleh IACA kepada masyarakat global yang berminat untuk menyambung pengajian peringkat Sarjana dalam bidang pencegahan rasuah. Seramai 19 peserta daripada pelbagai negara telah menyertai program pada kali ini.



BASIC TRAINING ON ANTI-CORRUPTION STUDIES FOR ANTI-CORRUPTION COMMISSION (ACC) BHUTAN OFFICER

Bhutan merupakan sebuah negara membangun di Asia Tenggara yang terkenal dengan jolokan nama "the Last Shangri-La" dan dihuni oleh sejumlah 772,000 penduduk. SPRM telahpun melatih ramai pegawai Anti-Corruption Commission of Bhutan (ACC Bhutan) sejak tahun 2011.

Pada tahun 2019, seramai 22 peserta pegawai ACC Bhutan yang baru dilantik telah menyertai sesi latihan asas di MACA bermula daripada 25 Mac hingga 17 April 2019 bertempat di Dewan Putrajaya, MACA.

Sebagai pegawai yang baru dilantik, adalah amat penting untuk membentuk pemikiran mereka agar menjadi penguatkuasa yang sentiasa berada di landasan undang-undang yang betul dalam usaha untuk membendung jenayah rasuah daripada berleluasa. Justeru, program latihan ini berfungsi untuk memberi kefahaman mengenai keperluan serta persediaan untuk membanteras rasuah yang kronik dengan lebih efisien dalam kalangan pegawai ACC Bhutan.

Program latihan ini memberi fokus terhadap aspek siasatan, perisikan, perundungan dan pencegahan, selain meningkatkan kemahiran peserta dalam melaksanakan tugas pencegahan rasuah melalui sesi ceramah dan perkongsian dengan pegawai-pegawai SPRM yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang masing-masing.



PROGRAM LATIHAN PENCEGAHAN RASUAH UNTUK OFFICE OF THE NATIONAL ANTI-CORRUPTION COMMISSION (ONACC), THAILAND

Seramai 48 orang pegawai Office of National Anti-Corruption Commission (ONACC) Thailand telah menghadiri kursus "Anti Corruption Training" bermula daripada 20 hingga 22 Mei 2019 anjuran Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA.

Program latihan ini diadakan bagi memberi kefahaman mengenai keperluan serta persediaan untuk membanteras rasuah dengan lebih efisyen kepada pegawai ONACC Thailand meliputi modul

pendidikan, pencegahan dan operasi dengan merujuk situasi semasa di Malaysia. Antara topik-topik yang disentuh ialah berkaitan perolehan, integriti, pengubahan wang haram serta sistem pengisytiharan dan pemulihan aset.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM pada ketika itu, YBhg. Datuk Seri Azam Bin Baki telah hadir ke Majlis Perasmian yang diadakan pada 21 Mei 2019 yang turut dihadiri oleh Pesuruhjaya ONACC, Thailand, Pol. Gen. Sathaporn Laothong serta pegawai-pegawai kanan kedua-dua agensi.



PROGRAM LATIHAN PENCEGAHAN RASUAH DAN PENYIASATAN UNTUK COMMISSION FOR THE INVESTIGATION OF ABUSE OF AUTHORITY (CIAA) NEPAL

Republik Nepal merupakan sebuah negara yang bersempadan dengan China dan India di Asia Selatan. Kerajaan negara Nepal amat menitikberatkan sifat amanah dan telus dalam pelaksanaan tanggungjawab oleh semua pegawai kerajaannya bagi membanteras salah guna kuasa dan rasuah.

Justeru, seramai 21 orang pegawai daripada *Commission for The Investigation of Abuse of Authority (CIAA)* Nepal telah berpeluang untuk hadir ke MACA bagi menjalani Program Latihan Pencegahan Rasuah dan Penyiasatan selama 11 hari bermula daripada 18 hingga 27 Jun 2019.

Program latihan ini memberi kefahaman mengenai keperluan serta persediaan untuk membanteras rasuah dengan lebih efisyen kepada pegawai CIAA Nepal.



"EXECUTIVE CERTIFICATE COURSE FOR STRATEGIC MANAGEMENT OF ANTI-CORRUPTION PROGRAMME"

"Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme" ini telah disertai oleh 20 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai agensi pencegahan rasuah daripada beberapa negara seperti Sri Lanka, Tanzania, Egypt, Ukraine dan lain-lain lagi.

Program latihan yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA selama 10 hari bermula 22 Julai hingga 2 Ogos 2019 ini merupakan program latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang mendapat tajaan daripada Kementerian Luar Negeri, Malaysia.

Peserta program latihan ini berpeluang untuk berkongsi pengetahuan dan perspektif yang lebih luas mengenai kesan dan akibat rasuah terhadap masyarakat dan negara, selain memperkuatkan pengetahuan dan kepakaran peserta dengan bertukar-tukar idea dalam membangunkan strategi pencegahan rasuah yang lebih mantap.

Selain daripada ceramah dan aktiviti di dalam kelas, para peserta turut dibawa melawat Ibu Pejabat SPRM, pejabat Kementerian Luar Negeri dan juga tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia kepada para peserta.



PROJEK PENANDAARASAN PROGRAM SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN RASUAH) UKM-SPRM SESI 2019/2020 KE MELBOURNE, AUSTRALIA

Projek Penandaarasan merupakan salah satu komponen teras yang perlu dilalui oleh semua pelajar yang mengikuti Program Pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM. Hasil kajian Projek Penandaarasan ini akan menjadi kayu ukur dalam menentukan pencapaian pelajar untuk menamatkan pengajian.

Dalam usaha untuk membuat kajian berkaitan pendidikan pencegahan rasuah, integriti dalam governans serta elemen-elemen kawalan prosedur pencegahan rasuah, pelajar diwajibkan untuk melaksanakan kajian penandaarasan di beberapa agensi dan jabatan kerajaan antaranya; Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Exxonmobile Malaysia dan SPRM. Kajian penandaarasan juga perlu dibuat di negara lain sebagai perbandingan dengan jabatan dan agensi di Malaysia.

Berdasarkan kajian terperinci, pelajar telah memilih Melbourne, Australia sebagai lokasi Projek Penandaarasan yang bermula dari 25 hingga 29 November 2019. Projek Penandaarasan ini melibatkan delegasi seramai 11 orang pelajar dan diiringi oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin; Pensyarah UKM, Profesor Dr. Rahimah Abdul Aziz dan Penyelaras Program, PsK Firdaus bin Umar@Adli.



COUNTERING AND AUDIT OF FRAUD AND CORRUPTION COURSE

Dalam usaha menyempurnakan Pelan Tindakan bagi Pelan Strategik SPRM 2017-2020 iaitu inisiatif untuk mendapatkan Pengiktirafan Tenaga Pakar Dalaman SPRM Sedia Ada Melalui Pensijilan Agensi-Agenzi Luar, SPRM telah menghantar 2 pegawainya iaitu PPj Adi Sufian bin Shafie dan PPj Aini binti Awang Muda untuk menghadiri Kursus *Countering and Audit of Fraud and Corruption* anjuran Crown Agents di Central London, United Kingdom, London pada 11 hingga 15 November 2019.

Program latihan pada skala antarabangsa ini memberi peluang kepada pegawai SPRM untuk mengumpul pengetahuan, bertukar-tukar idea dan bekerjasama dengan agensi pencegahan rasuah di peringkat global. Peserta berpeluang untuk memahami lebih lanjut berkaitan jenayah penipuan dan jenayah rasuah serta mampu merangka strategi baru dalam memerangi jenayah rasuah dan penipuan. Selain itu, peserta juga dapat mempelajari tadbir urus korporat dan tanggungjawab serta etika dalam menangani penipuan dan juga jenayah rasuah, selain memahami jenis dan trend penipuan serta kesalahan rasuah.

Justeru, peserta boleh mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari dalam menyiasat kes-kes di bawah Akta SPRM 2009 serta mengendalikan kes-kes di Mahkamah Khas Rasuah di Malaysia kelak.



DETECTION, FORENSIC INVESTIGATION AND PROSECUTION OF FRAUD AND CORRUPTION COURSE

Selain menyertai kursus *Countering and Audit of Fraud and Corruption* bersama Crown Agents, London, SPRM turut menghantar peserta ke Kursus *Detection, Forensic Investigation and Prosecution Of Fraud and Corruption* pada 18 hingga 22 November 2019. Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta untuk mempelajari kaedah mengenal pasti kawasan risiko utama untuk berlakunya jenayah penipuan dan rasuah termasuk di pejabat awam, cukai, perolehan dan kontrak serta mengesan kes-kes yang berpotensi.

PPj Mohamad Rizal bin Ahmad dan PKPs Mohd Faliq bin Basirudin yang telah dipilih menghadiri kursus ini turut diajar mengenai teknik merancang dan melaksanakan siasatan serta penggunaan peralatan canggih dan teknik penyiasatan forensik, termasuk menganalisis data.

Kursus ini pastinya dapat memberikan ilmu pengetahuan berguna kepada peserta dalam kerjaya mereka. Peserta juga berpeluang berkongsi pengalaman serta maklumat berkaitan rasuah dengan peserta daripada negara luar yang menyertai kursus tersebut dan bertukar-tukar pandangan untuk kebaikan bersama.



KURSUS INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT ACADEMY (ILEA), BANGKOK

Penyertaan pegawai SPRM di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh *International Law And Enforcement Academy* (ILEA), Bangkok ini merupakan sebahagian daripada perancangan Pelan Strategik SPRM 2017-2020 iaitu Bidang Tumpuan Utama : Pengukuhan - Strategi Teras 4 : Mengukuhkan Imej dan Sokongan Terhadap SPRM, Inisiatif 5 : Melahirkan Tenaga Pakar Dalaman dan Luaran, Pelan Tindakan : Pengiktirafan Tenaga Pakar Dalaman SPRM Sedia Ada Melalui Pensijilan Agensi-Agenzi Luar.

Ps Wan Mohd Shukry bin Wan Ahmad dan Ps Mohd Afiq bin Abdul Aziz telah terpilih menyertai kursus "Anti-corruption Series Public Corruption" pada 09 hingga 13 Sept 2019 yang memberi pendedahan tentang sistem perundungan yang menjadi amalan terbaik (*best practice*) di Amerika Syarikat. Peserta juga didedahkan mengenai teknik penyiasatan yang diguna pakai oleh Agensi Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dalam kes-kes rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasa Amerika Syarikat. Selain itu kursus ini juga memberi penekanan terhadap etika semasa menjalankan penyiasatan yang perlu menjadi amalan setiap pegawai penguatkuasa.

Program latihan ini memberi impak yang tinggi terhadap peserta dalam skala yang lebih luas di peringkat antarabangsa. Ia juga menjadi satu medium pembelajaran dalam usaha menyerap budaya kerja dan amalan terbaik daripada pihak Agensi FBI yang dapat dipraktikkan dalam tugas-tugas penyiasatan serta boleh dikongsi secara *in-house training* kepada pegawai-pegawai penyiasat yang lain.





The background features a complex network of black lines forming a grid-like structure, with several large hexagonal shapes containing arrows pointing in various directions. The overall aesthetic is modern and technical, suggesting a digital or architectural theme.

AKADEMIK

AKADEMIK

BENGKEL PENERANGAN SEKSYEN BAHARU 17A KESALAHAN-KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL-LIABILITI KORPORAT KEPADA JURUCAKAP SPRM DAN PENYEDIAAN “TOOLKIT” PENCERAMAH

Sepertimana hala tuju yang telah digariskan oleh Ketua Pesuruhjaya serta Pengurusan Tertinggi SPRM, MACA telah mengorak langkah bersama-sama Bahagian Perundungan dan Pendakwaan serta bahagian-bahagian lain SPRM untuk memperluaskan pemahaman serta konsep mengenai Seksyen Baharu 17A, Kesalahan-Kesalahan Oleh Organisasi Komersial, Liabiliti Korporat serta Langkah Yang Mencukupi Kepada Jurucakap SPRM dan Penyediaan “Toolkit” Ceramah.

Melalui bengkel yang dianjurkan pada 5 hingga 7 Mac 2019 ini, peserta diberi penerangan dan perkongsian oleh tenaga pengajar pakar mengenai Seksyen 17A bertujuan mempersiapkan Jurucakap SPRM untuk sesi jelajah penerangan kepada Pegawai SPRM seluruh Malaysia sepanjang tahun 2019. Dalam program bengkel tersebut telah diadakan sesi *mentor-mentee* tentang cara penyampaian ceramah serta sesi “*brainstorming*”. Peserta bengkel kemudiannya menyediakan “toolkit” yang akan digunakan dalam sesi ceramah yang akan disampaikan kelak.



KURSUS KEPIMPINAN STRATEGIK PENGUATKUASAAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

Pusat Kecemerlangan Kepimpinan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MLEC), MACA adalah merupakan pusat pembelajaran kepimpinan bertunjangkan integriti dan membentuk legasi kepimpinan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Disamping itu juga MLEC turut menerima permohonan daripada mana-mana agensi penguatkuasaan di Malaysia untuk melaksanakan kursus kepimpinan secara *customised* selain kursus prospektus.

Pada 18 hingga 20 Oktober 2019, MLEC telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Strategik Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertempat di The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan dan disertai oleh 37 peserta yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Seksyen, Ketua Unit dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDNHEP dari seluruh Malaysia.

Program latihan ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pengetahuan asas kepimpinan strategik dan mengenal aspek diri, pasukan dan organisasi penguatkuasa beruniform. Peserta juga dapat meningkatkan keyakinan untuk mengamalkan kemahiran komunikasi yang berkesan, menerapkan budaya berintegriti dalam organisasi di bawah seliaan serta dapat mengaplikasikan teknik-teknik penyeliaan yang berkesan dan pengurusan kepimpinan strategik dalam organisasi.

Manakala pada 26 hingga 29 Julai 2019, MLEC menganjurkan program latihan serupa untuk Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah (KPPD) KPDNHEP seluruh Malaysia di Hotel Pantai Puteri, Melaka.



BENGKEL MEMBERI KETERANGAN DI MAHKAMAH KEPADA PEGAWAI SIASATAN SPRM

Bengkel Memberi Keterangan di Mahkamah Kepada Pegawai Siasatan SPRM telah diadakan di Dewan Kuliah Perak dan Kevin Morais Moot Court, MACA pada 20 hingga 21 Ogos 2019. Bengkel ini merupakan salah satu program latihan yang dijalankan atas saranan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Ibu Pejabat SPRM dan negeri-negeri yang ingin melatih pegawai-pegawai siasatan SPRM supaya terdedah dan lebih mahir dalam memberi keterangan dengan lebih berkesan di Mahkamah.

Salah satu objektif utama bengkel ini adalah memastikan keterangan yang diberikan oleh pegawai penyiasat SPRM ketika perbicaraan kes di mahkamah mengikut tatacara yang betul. Selain itu, bengkel ini juga mampu meningkatkan kadar sabitan kes SPRM di mahkamah melalui keterangan saksi yang meyakinkan.



KURSUS ASAS SIASATAN UNTUK PEGAWAI ANGKASA

Pada 16 hingga 17 Julai 2019, Sekolah Penyiasatan dan Forensik MACA telah menganjurkan Kursus Asas Siasatan untuk Pegawai ANGKASA yang bertempat di Ibupejabat ANGKASA, Petaling Jaya, Selangor. Kursus ini telah di hadiri oleh 20 orang Pegawai ANGKASA.

Objektif kursus ini adalah meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam mengendalikan aduan dan maklumat, teknik-teknik soal siasat dan merakam pernyataan saksi dan saspek, serta memahami pengurusan kertas siasatan dan laporan siasatan. Kursus ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPRM daripada Bahagian Siasatan Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.



KURSUS ASAS SIASATAN UNTUK PEGAWAI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

Pada 16 hingga 18 April 2019 bertempat di Dewan Kuliah Terengganu, MACA seramai 29 orang Pegawai EAIC telah menyertai Kursus Asas Siasatan untuk Pegawai Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang telah di anjurkan oleh Sekolah Penyiasatan dan Forensik, MACA.

Kursus ini di anjurkan bertujuan untuk memahami ciri-ciri, peranan dan tanggungjawab pegawai penyiasat, meningkatkan pengetahuan asas dalam penyiasatan berdasarkan undang-undang. Kursus ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPRM daripada Bahagian Siasatan Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Kuala Lumpur.



KURSUS RISIKAN LANJUTAN UNTUK PEGAWAI BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU, KKM

Sekolah Perisikan dan Pengesanan, Pusat Akademik MACA telah menganjurkan Kursus Risikan Lanjutan Untuk Pegawai Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Hotel Bayview, Melaka pada 22 April sehingga 25 April 2019 yang di hadiri seramai 28 peserta.

Program latihan ini merupakan program latihan lanjutan untuk pegawai Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB), KKM. BSKB sememangnya mempunyai jalinan yang akrab dengan MACA kerana telah beberapa kali melaksanakan program latihan bersama MACA.

Program latihan ini menjelaskan kepentingan perisikan serta kefahaman tentang elisitasi. Peserta turut diberi penerangan mengenai kepentingan alat bantuan teknikal dalam tugas selain memberi pendedahan dalam operasi intipan serta pembinaan watak dalam operasi risikan.



KURSUS TEKNIK PERISIKAN UNTUK PEGAWAI PENGUATKUASA KPDNHEP

Dalam usaha untuk memberi pengenalan kepada perisikan dan kaedah pengendalian sumber berkesan kepada pegawai-pegawai KPDNHEP, MACA telah mengendalikan program latihan teknik Perisikan di Hotel Seri Malaysia, Sungai Petani, Kedah pada 25hb sehingga 28hb Mac 2019.

Program latihan ini melatih pegawai-pegawai KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat berkualiti dan memberi pendedahan dalam operasi intipan dan pembinaan watak dalam operasi risikan. Para peserta turut diberi penerangan mengenai kepentingan alatan bantuan teknikal dalam melaksanakan tugas.

Selain itu, program latihan yang dijalankan ini juga dapat menjalin hubungan baik di antara KPDNHEP dan SPRM serta meluaskan rangkaian sumber.



KURSUS PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN BERKUALITI UNTUK PEGAWAI TENAGA NASIONAL BERHAD

Sekolah Penyiasatan dan Forensik, MACA telah menganjurkan Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Berkualiti untuk Pegawai Tenaga Nasional Berhad bertempat di Hotel Avilion, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 29 hingga 31 Oktober 2019.

Kursus ini telah memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami panduan asas dalam teknik-teknik temubual dan merakam pernyataan saksi dan Orang Kena Tahan (OKT), menterjemahkan teknik menyelaraskan keterangan saksi dan dokumen serta meningkatkan pemahaman dalam pengurusan serta penghasilan kertas siasatan berkualiti.



KURSUS PROFILING TECHNIQUE FROM OTHER AGENCIES' PERSPECTIVE

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia bukan sahaja menjadi pusat latihan kepada pegawai SPRM, malah turut memberi latihan kepada agensi kerajaan lain dan juga sektor swasta. Sejajar dengan tugas risikan yang semakin mencabar dan berisiko, Sekolah Perisikan dan Pengesanan, MACA telah menawarkan kursus yang menjurus kepada teknik-teknik risikan berkemahiran tinggi.

Oleh yang demikian, pada 19 hingga 22 Februari 2019 telah diadakan kursus “Profiling Technique from Other Agencies’ Perspective” bertempat di Dewan Sabah, MACA. Kursus ini melakar sejarah tersendiri apabila disertai oleh lebih 30 peserta terdiri daripada pegawai badan SPRM dan melibatkan seramai 11 penceramah daripada pelbagai agensi awam dan swasta seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Bahagian Perisikan SPRM, Cawangan Profiling SPRM dan Graymatter Forensic Advisory Sdn Bhd.

Tujuan utama kursus ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan pegawai perisikan terhadap profiling dalam mengendalikan kes projek dan cara kegunaan pelan latar atau visual bagi tujuan profiling. Selain itu, kursus ini telah meningkatkan tahap profesionalisme pegawai perisikan dengan menjadikan mereka lebih cekap dan berpengetahuan.





The background features a complex, abstract technical diagram composed of various geometric shapes like hexagons and rectangles, interconnected by a network of lines and arrows. A prominent feature is a large hexagon in the center, which contains several smaller hexagonal components. Arrows indicate various paths and relationships between these elements. The overall aesthetic is clean and modern, with a color palette of white, black, grey, and soft pastels.

INTEGRITI

INTEGRITI

KURSUS “LEGAL REQUIREMENT COMPLEMENTING TO MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) – FOR CERTIFICATION BODY”

Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah memperkenalkan satu sistem pengurusan piawaian MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) yang bertujuan meningkatkan usaha pencegahan rasuah oleh organisasi. Justeru, SPRM sebagai Pemilik Skim (Latihan) telah meletakkan 2 keperluan yang perlu dipenuhi oleh Badan Pensijilan (Certification Body-CB) dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan JSM. Salah satu keperluan tersebut yang perlu dipenuhi adalah menghadiri 4 hari kursus anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).



Pusat Pematuhan Antirasuah Korporat (CACCC) di bawah teraja MACA telah menganjurkan Kursus “Legal Requirement Complementing To MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) for Certification Bodies” pada 25 hingga 28 Februari 2019 bertempat di Dewan Kedah, MACA. Kursus yang dihadiri oleh seramai 19 orang peserta daripada Badan Pensijilan (Swasta) ini telah mencapai objektifnya melalui modul Pengenalan kepada ABMS, Undang-undang Pencegahan Rasuah di Malaysia, Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Rasuah.

Hasil penyertaan kursus tersebut, para peserta telah berjaya memenuhi keperluan di bawah “Requirements for the Accreditation of Certification Bodies under the Anti Bribery Management System (ABMS) Scheme” yang ditetapkan oleh JSM, di samping memahami perlaksanaan ABMS termasuklah tentang keperluan dan perbandingan ABMS dengan sistem-sistem pengurusan piawaian yang lain. Penyampaian dan perkongsian maklumat melalui modul yang dirangka telah memberi pendedahan kepada peserta tentang Undang-undang Pencegahan Rasuah di Malaysia di bawah ASPRM 2009, Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) kepada mereka. Selain itu, peserta juga turut ditekankan mengenai pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan seterusnya memahami kesalahan rasuah oleh organisasi komersial di bawah Seksyen 17A. ASPRM.



BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah menjadi keperluan dalam organisasi sektor awam dan sektor swasta di Malaysia. Dalam usaha mengekang budaya rasuah dalam kalangan warga kerja organisasi-organisasi ini, SPRM telah mengambil inisiatif dalam menilai dan mengurus risiko rasuah untuk jabatan dan organisasi di Malaysia melalui Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah yang dilaksanakan Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat (CACCC), MACA.

Program latihan CRM amat penting bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta dalam mengenalpasti risiko-risiko rasuah di peringkat organisasi dan jabatan ke arah membangunkan satu pelan tindakan serta memperbaiki sistem dan prosedur sedia ada.

Berdasarkan permintaan yang semakin meningkat pada tahun 2019, CACCC telah berjaya melaksanakan sebanyak 82 sesi bengkel CRM iaitu 61 sesi kepada organisasi sektor awam dan 21 sesi kepada organisasi sektor swasta dengan jumlah penyertaan seramai 2808 orang.

Selain itu, 4 siri CRM turut dianjurkan khusus untuk pegawai SPRM di seluruh Malaysia.

BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) 2019



PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS DI SEMUA AGENSI AWAM DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

Penubuhan Unit Integriti dan Governans di semua agensi awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 Bil 1 Tahun 2018 dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Dengan penubuhan Unit Integriti dan Governans ini, MACA memainkan peranan penting untuk menyediakan program latihan Pemantapan Pegawai Integriti bertujuan untuk memantapkan pengetahuan pegawai-pegawai yang ditugaskan di bawah Unit Integriti dan Governans agensi-agensi awam dan GLC tersebut.

KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI INTEGRITI



Kursus Pemantapan Pegawai Integriti (KPPI)
Siri 7 Bil 1/2019 – GLC: 23-25 April 2019



Kursus Pemantapan Pegawai Integriti (KPPI)
Siri 9 Bil 3/2019 – Awam: 6-8 Ogos 2019



Kursus Pemantapan Pegawai Integriti (KPPI)
Siri 10 Bil 4/2019 – Swasta: 8-10 Okt 2019



Kursus Pemantapan Pegawai Integriti-Sektor GLC
Integrity Champion Programme Bank Rakyat:
29-31 Okt 2019

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dilancarkan pada tahun 2010 bagi melahirkan Pegawai Integriti yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanannya program integriti di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing. CeIO yang telah ditauliah ini merupakan pegawai yang telah menjalani latihan CeIO anjuran Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Program ini dirumus bagi memupuk nilai sifar toleransi terhadap penipuan, kegiatan rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku di dalam organisasi. Selain itu, program ini diharapkan dapat menghasilkan agen perubahan dalam kalangan pegawai terpilih untuk merunding dan menasihati pihak pengurusan organisasi mengenai langkah-langkah kesedaran dan pencegahan terhadap rasuah. Program ini telah tersedia untuk sektor awam dan swasta dan diperluaskan lagi untuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan jabatan kerajaan negeri mulai tahun 2019.

Program Pegawai Integriti Bertauliah Sektor Awam

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Awam adalah merupakan program premium negara yang menjadi tumpuan agensi-agensi sektor awam untuk dijadikan sebagai salah satu latihan tahunan di dalam kalendar latihan di agensi masing-masing. Atas permintaan yang tinggi, pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) melalui Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) telah menambah jumlah penyertaan daripada 30 peserta kepada 46 peserta dalam siri ke 21 Program Pegawai Integriti Bertauliah Bil. 1/2019 yang telah dijalankan selama 25 hari secara separa masa bermula daripada 27 Januari hingga 2 April 2019.

Selain menjalani sesi pembelajaran formal di akademi, para peserta juga telah diberikan 2 tugasan luar kelas iaitu “Enhancing Integrity Project (EIP)” pada 8 hingga 10 Mac 2019 bertempat di Lurah Bilut, Pahang serta Majlis Seminar Kelestarian Integriti serta Majlis Penutup Program CeIO yang telah dilaksanakan pada 2 April 2019 bertempat di Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Bangi, Selangor.



Setelah menjalani program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), peserta akan lebih memahami fungsi-fungsi serta tugas pegawai atau Ketua Unit Integriti berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6 Tahun 2013. Peserta juga telah mempelajari secara terperinci bidang perundungan yang melibatkan kesalahan-kesalahan rasuah dan mengenalpasti perlakuan-perlakuan perlanggaran integriti yang sering dilakukan oleh warga organisasi dan seterusnya berupaya untuk membangunkan Pelan Pencegahan Risiko Rasuah dan Kawalan Dalaman untuk diaplikasikan dalam organisasi masing-masing.

Di samping itu, para peserta telah didedahkan dengan kemahiran untuk mengesahkan aduan yang diterima oleh Unit Integriti masing-masing serta menjalankan siasatan mengikut jenis kesalahan yang dilaporkan.



Program Pegawai Integriti Bertauliah Sektor Swasta

Integriti, etika dan pematuhan adalah perkara yang sering menjadi tumpuan utama lebih-lebih lagi apabila melibatkan industri-industri perniagaan terutamanya dalam sektor swasta. Pematuhan kepada nilai-nilai integriti amatlah penting dan seharusnya menjadi komponen utama dalam mengimbangi keuntungan syarikat serta nilai-nilai kesejahteraan yang perlu dititikberatkan. Integriti juga seharusnya menjadi nilai puncak yang menjadi genggaman dan panduan dalam sesebuah pentadbiran dalam organisasi.

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2011 (Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah), Pusat Pembangunan Integriti Korporat, MACA telah mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan Program CelO Swasta Siri ke 5 ini untuk sektor swasta di Malaysia yang dilaksanakan bermula daripada 2 hingga 24 Julai 2019.



Program ini mensasarkan agar para peserta berupaya mengenal pasti fungsi dan tugas serta elemen-elemen pengurusan integriti dalam organisasi. Para peserta juga seharusnya berupaya menganalisa risiko rasuah serta membentuk pelan organisasi masing-masing selain berfungsi bertindak sebagai katalis dalam pembudayaan integriti dalam organisasi masing-masing.

Program ini telah memberi ruang kepada syarikat-syarikat swasta untuk lebih memahami aspirasi kerajaan terutamanya dalam usaha-usaha pembanterasan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi swasta di Malaysia. Melalui modul yang diperkenalkan, para peserta mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan sistem tadbir urus yang lebih baik. Di samping itu, organisasi pastinya mempunyai mekanisme saluran pelaporan yang berkesan dalam menguruskan maklumat serta aduan berkaitan perkara-perkara jenayah komersial, rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi.



Program Pegawai Integriti Bertauliah GLC

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 berkaitan Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan (termasuk jabatan dan agensi di bawah kerajaan negeri), MACA telah diberi mandat untuk melatih dan melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang berperanan untuk merancang dan melaksanakan program-program berkaitan dengan pengukuhan integriti untuk pegawai dan kakitangan Unit Integriti dan Governans syarikat GLC berkenaan.

Justeru, CIDC telah merangka satu projek perintis Program Pegawai Integriti Bertauliah untuk melatih pegawai-pegawai Unit Integriti di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah dilaksanakan pada 10 September hingga 2 Oktober 2019 di MACA dan disertai oleh seramai 39 peserta.

Objektif utama program latihan CeIO GLC ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada peserta mengenal pasti fungsi dan tugas Unit Integriti dan Governans GLC dan meningkatkan kemahiran menganalisa risiko rasuah serta membentuk pelan pencegahan rasuah organisasi masing-masing. Pelaksanaan projek perintis ini ternyata telah memberikan impak positif dalam meningkatkan sistem tadbir urus yang baik di kalangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju dan mempunyai nilai integriti yang tinggi serta bebas rasuah.





Program Pegawai Integriti Bertauliah SUK Negeri Sarawak

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 22 Bil. 2/2019 adalah merupakan program kerjasama antara Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Program ini adalah merupakan program perintis yang mana buat pertama kalinya program CeIO diadakan di lokasi luar daripada MACA. Program yang diadakan di Leadership Institute Of Sarawak Civil Service, Semenggok, Sarawak ini telah dihadiri oleh seramai 44 orang peserta dari pelbagai agensi awam dan badan berkanun di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Kerajaan Negeri Sarawak.

"Enhancing Integrity Project (EIP)" juga telah dilaksanakan pada 15 hingga 17 Mac 2019 di Kampung Telok Melano, Sarawak. Manakala Seminar Kelestarian Integriti pulatelah dilaksanakan pada 13 April 2019 di Dewan Dun Lama, Petrajaya Sarawak yang dihadiri oleh seramai 1,000 orang jemputan. Ketua Menteri Sarawak, YAB. Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah merasmikan Majlis Penutup Program tersebut yang diadakan sejurus usai Seminar Kelestarian Integriti.


Tidak dapat dinafikan, penganjuran program ini telah berjaya melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah dalam negeri yang mempunyai kekuatan spiritual dan jati diri yang teguh untuk menjaga kesejahteraan negeri Sarawak sekaligus menaikkan imej negeri. Pastinya ekonomi akan lebih berkembang pesat dan seterusnya memberi keyakinan tinggi kepada pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur di Sarawak. Hasilnya, negeri Sarawak akan lebih makmur untuk kesejahteraan rakyatnya.



Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)


Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) diwujudkan selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri di bawah Pekeling Bil. 1 Tahun 2009 dan Siri 1 Bil. 1 Tahun 2011 bertujuan untuk pemantapan tadbir urus yang baik dan bebas rasuah di jabatan dan agensi berkenaan. Sehingga hari ini, Program CeIO semakin berkembang dan mendapat sambutan daripada pelbagai jabatan dan agensi merangkumi sektor awam, sektor swasta serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Bagi meraikan peserta CeIO pada kali ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman telah sudi menyempurnakan Majlis Konvokesyen Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) buat kali ke 8 pada 14 November 2019 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menyaksikan seramai **182 graduan** telah dianugerahkan sijil pentauliahan CeIO daripada 5 Siri Program CeIO iaitu CeIO Swasta Siri 3 Bil.1/2018; CeIO Swasta Siri 4 Bil.2/2018 (Johor Corporation-JCORP); CeIO Awam Siri 21 Bil. 1/2019; CeIO Awam Siri 22 Bil.2/2019 (Kerajaan Negeri Sarawak); dan CeIO Eksekutif Siri 3 Bil. 1/2019.



KONVOKESYEN PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CEIO)





The background features a complex abstract diagram composed of various geometric shapes, primarily hexagons, interconnected by a network of lines and arrows. One prominent hexagon in the center has a double-lined border and contains several internal lines and arrows indicating movement or flow. Another hexagon is located in the upper right corner. The diagram is set against a light blue background with faint grid lines, giving it a technical or architectural feel.

MODAL INSAN

MODAL INSAN

MAJLIS MAKAN MALAM BERISTIADAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BPR/SPRM KE-52

Sebagai meraikan Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM ke 52, SPRM menganjurkan Majlis Makan Malam Beristiadat dengan gilang gemilang pada 18 November 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan isteri. Pegawai Badan SPRM dan semua tetamu kehormat hadir dengan mengenakan seragam Mess Kit yang memperkenalkan ketinggian protokol dan etiket majlis.

Majlis penuh istiadat dan protokol ini diadakan buat julung kalinya selepas pertukaran nama BPR ke SPRM. Ia merupakan acara rejimental yang mempunyai protokol dan etiket tersendiri. Majlis dimulai dengan perarakan masuk Bendera SPRM, tetamu kehormat dan Pengurusan Tertinggi SPRM serta diikuti dengan perarakan masuk semua ahli jemputan.

Majlis berprotokol seperti ini memberi peluang kepada pegawai Badan SPRM untuk lebih memahami protokol dan etiket pemakaian Mess Kit dan turut berpeluang mencipta memori menghadiri majlis berprotokol penuh berprestij yang diadakan oleh SPRM.





MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM SIRI 23 BILANGAN 1 TAHUN 2018 (PENOLONG PENGUASA P29) & KURSUS PERALIHAN GRED P42 (PENGURUSAN & PROFESIONAL) SIRI 4 TAHUN 2019

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 23 Bil. 1 Tahun 2018 (Penolong Penguasa Gred P29) dan Kursus Peralihan (Pengurusan dan Profesional) Siri 4 tahun 2019 telah diadakan di padang Sek. Keb. Bukit Changgang, Banting, Selangor pada 27 Jun 2019 memahat memori manis buat 129 orang pegawai kadet Penolong Penguasa Gred P29 serta 53 orang pegawai SPRM Gred P42.

Majlis dimulakan dengan acara perbarisan lintas hormat dalam gerak perlahan dan cepat jalan oleh peserta. Kemudiannya diikuti dengan Upacara Pemeriksaan Baris oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) YBhg. Puan Latheefa Koya serta penyampaian Anugerah Pelatih Terbaik.

Brass Band jemputan daripada Unit Brass Band Tentera Darat Diraja Malaysia dari Kem Jugra, Banting yang mengiringi perbarisan dan membuat persembahan turut memeriahkan majlis. Majlis juga diserikan dengan kehadiran Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull, Ketua Eksekutif Pusat Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Dato' Sri Haji Mustafar bin Ali serta Pegawai-pegawai Kanan SPRM.

Penerima Anugerah

Kursus Peralihan (Pengurusan & Profesional) Gred P42



Ps Joehan Clay Agong



Anugerah Peserta Terbaik

Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 23 Bil. 1 tahun 2018 (Penolong Penguasa Gred P29)



**PPs Mohamad Nafawie Syazriel
bin Mohamad Nazuardy**




Anugerah Kadet Terbaik (lelaki)



**PPs Fariza Syafiqah
binti Mohamad**



Anugerah Kadet Terbaik (wanita)



PROGRAM KENDURI RAKYAT

Dalam usaha SPRM untuk mendekati rakyat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Kenduri Rakyat bersempena dengan Majlis Tamat Latihan yang diadakan di padang Sek. Keb. Bukit Changgang, Banting, Selangor.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Puan Latheefa Koya turut meluangkan masa bermesra bersama penduduk Kampung Bukit Changgang serta pegawai dan kakitangan SPRM yang turut menyertai majlis merewang menyiapkan bahan hidangan makan minum pagi dan makan tengahari untuk keesokan harinya.

Usai majlis, penduduk kampung Bukit Changgang serta pegawai dan kakitangan MACA SPRM, Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM (PenMas), Bahagian Komunikasi Strategik dan Perhubungan Antarabangsa SPRM (BKS), SPRM Negeri Sembilan dan SPRM Negeri Selangor bekerjasama bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah Kebangsaan Bukit Changgang serta peralatan memasak. Usaha sebegini sememangnya dapat menjalin ikatan muhibah dan kemesraan di antara pihak SPRM dengan masyarakat setempat.



PROGRAM PENTAULIAHAN CERTIFIED TRAINING PROFESSIONAL (CTP)

Program latihan ini merupakan salah satu program latihan di luar perancangan (*Ad-hoc Programme*) selaras dengan kandungan Pelan Strategik SPRM 2017-2020 iaitu berkaitan Bidang Tumpuan Utama: Pengukuhan/Strategi, Teras 4: Mengukuhkan Imej dan Sokongan Terhadap SPRM, Inisiatif 5 : Melahirkan Tenaga Pakar Dalaman dan Luaran, Pelan Tindakan: Pengiktirafan Tenaga Pakar Dalaman SPRM Sedia Ada Melalui Pensijilan Agensi-Agenzi Luar yang telahpun dilaksanakan sejak tahun 2014.

Program latihan CTP dengan kerjasama ITD World Sdn Bhd ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai “Tenaga Pengajar Pakar Dalaman dan Luaran” yang mempunyai sijil pentaulahan khusus sebagai tenaga pengajar profesional bertaraf antarabangsa. Ia juga telah memberi impak yang besar kepada MACA khususnya dan SPRM amnya dalam aspek penyampaian maklumat berkaitan Pencegahan Rasuah di Malaysia.

Kesungguhan yang ditunjukkan oleh para peserta dalam mencapai objektif program ini seharusnya mendapat pujian. Maklum balas yang sangat positif juga diterima daripada para peserta yang berjaya menamatkan kursus dan seterusnya mencadangkan agar lebih ramai pegawai yang lebih arif dan berpengalaman dalam bidang masing-masing diberikan peluang menyertainya.

Senarai nama peserta yang telah berjaya menamatkan program latihan CTP sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	TAHUN PENTAULIAHAN
1	P/PKPJ IRAWAN BIN KHLIR	2018
2	P/PKPJ MOHD SAUD AYUTOLLAH BIN ABDUL MANAN	2018
3	PPJ ERFIEZA BIN MUJIENI	2018
4	PsK HUZAIMI BIN HUSAIN	2019
5	PPJ ZAKARIA BIN TAIB	2019
6	PPJ UMI KALUSOM BINTI AHMAD	2019
7	PsK ELDRIN ANAK GEORGE	2019
8	PsK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH	2019
9	PsK NORWATI BINTI AZMI	2019
10	PsK PANG MAI TECK	2019
11	PsK NORMIRIATI BINTI HAINI	2019
12	PKPs RAZMY BIN ZULKIFLY	2019
13	PPs SHEIKH MOHD HILMI BIN SHEIKH ABDUL HALIM	2019
14	PPs DELVINDER SINGH A/L JASVIR SINGH	2019
15	PPs NORHASLINDA BINTI MUHAMAD NOR	2019
JUMLAH		15 PESERTA



PROGRAM PENTAULIAHAN CERTIFIED COACHING AND MENTORING PROFESSIONAL (CCMP) 2019

Selain program latihan Certified Training Professional (CTP), tenaga pengajar di MACA juga berpeluang untuk menyertai satu lagi program latihan yang menyediakan sijil pentaulahan sebagai pembimbing dan tenaga pengajar profesional, juga dengan kerjasama Syarikat ITD World Sdn Bhd.

Program latihan ini mampu melahirkan Coach iaitu individu yang berkebolehan untuk mencetuskan pemikiran yang kreatif dan kritis dalam proses menjana idea, inspirasi serta potensi maksimum dan profesional oleh individu lain.

Dalam masa yang sama, peserta juga dilatih untuk menjadi Mentor iaitu individu

yang mampu melatih, membimbing atau menasihati kakitangan lain berkaitan bidang tugas tertentu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada serta mendorong individu-individu di sekelilingnya untuk mencapai matlamat luar biasa di dalam organisasi.

Senarai nama peserta yang telah berjaya menamatkan program latihan CCMP adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	TAHUN PENTAULIAHAN
1	P/PKPj IRAWAN BIN KHLIR	2019
2	PsK PANG MAI TECK	2019
JUMLAH		2 PESERTA



BENGKEL “TRAINING THE TRAINERS: LEARNING & TEACHING STRATEGY AND POST-MORTEM FOR PROFESSIONAL DIPLOMA IN INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT (LEVEL 5) PROGRAMME”

Dalam usaha untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada tenaga pengajar di MACA dalam pembangunan modul, teknik dan metodologi pembelajaran sejajar dengan tahap kelayakan akreditasi yang ditetap oleh QAA, United Kingdom, Pusat Sekretariat Akreditasi, MACA telah menganjurkan Bengkel “Training The Trainers: Learning & Teaching Strategy And Post-Mortem For Professional Diploma In International Law Enforcement (Level 5) Programme” pada 3 hingga 4 Julai 2019 di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur.

Selain itu, bengkel yang disertai oleh 35 peserta yang terdiri daripada Subject Module Leader (SML), Co SML dan tenaga pengajar Program Akreditasi Kursus Asas SPRM ini juga merupakan salah satu pra-syarat yang ditetapkan oleh pihak Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai tenaga pengajar bertauliah (certified trainer).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki turut meluangkan masa dalam sesi Post-Mortem Professional Diploma In International Law Enforcement (Level 5) Programme yang turut berlangsung di lokasi sama.



SIRI JELAJAH TAKLIMAT SEKSYEN 17A ASPRM 2009 – “KESALAHAN OLEH ORGANISASI KOMERSIAL”

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 telah memperuntukkan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 iaitu “Kesalahan Oleh Organisasi Komersial” dan akan dikuatkuasakan pada 01 Jun 2020. Seksyen ini menasarkan penyuburan amalan perniagaan dan komersial yang sihat dan bebas daripada rasuah seterusnya dapat meningkatkan persaingan yang setara dan adil dalam kalangan penggiat ekonomi di negara ini.

Kejayaan dalam penganjuran Seminar “Gearing Up for Corporate Liability” pada tahun 2018 telah membuka mata organisasi-organisasi komersial tentang kepentingan, tanggungjawab dan peranan mereka dalam liabiliti korporat dan implikasi Seksyen 17A ASPRM 2009. Ia juga membuka ruang kepada peningkatan permintaan dalam penyampaian “Taklimat Seksyen 17A ASPRM 2009” oleh SPRM daripada sektor korporat.

Justeru, adalah penting untuk pegawai-pegawai SPRM diberi pendedahan dan kefahaman yang jelas mengenai peruntukan Seksyen 17A ASPRM 2009 bagi memastikan pegawai-pegawai SPRM, khususnya di sektor pencegahan dan sektor operasi mempunyai kefahaman yang tinggi tentang penguatkuasaan undang-undang baharu ini yang mana ianya akan membantu mereka memberi kesedaran dan seterusnya membantu sektor korporat bersedia apabila dikuatkuasakan kelak.

Bermula 5 Disember 2018 sehingga 18 April 2019, Pusat Pematuhan Antirasuah Korporat (CACCC), MACA telah menganjurkan Siri Jelajah Taklimat Seksyen 17A ASPRM 2009 “Kesalahan Oleh Organisasi Komersial” yang ditumpukan kepada percambahan idea dan perbincangan berkaitan korporat liabiliti. Siri Jelajah anjuran MACA dengan kerjasama SPRM Bahagian dan Negeri ini telah berjaya memberi kesedaran, pendedahan dan kefahaman kepada pegawai-pegawai SPRM di seluruh Malaysia termasuklah pegawai-pegawai CEO-SPRM yang bertugas dengan agensi luar.

Hasil daripada 8 sesi taklimat yang dilaksanakan dalam Siri Jelajah Taklimat Seksyen 17A ASPRM 2009 “Kesalahan Oleh Organisasi Komersial” ini, seramai 1,028 pegawai SPRM di seluruh Malaysia telah diberikan pendedahan secara mendalam berkaitan Seksyen 17A ASPRM 2009 merangkumi latar belakang, takrifan undang-undang dan intipati kesalahan serta pembelaan statuari.



BENGKEL ‘TEACHING AND LEARNING: ASSESSMENT AND PEER OBSERVATION’

Bengkel “Teaching and Learning: Assessment and Peer Observation” telah dikendalikan oleh Dr. Kassim bin Mohamed, Pensyarah Kanan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom pada 4 hingga 7 Mac 2019 bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan, kemahiran serta nilai tambah kepada tenaga pengajar MACA/SPRM mengenai kaedah penyemakan tugas pegawai pelatih.

Selain itu, penganjuran bengkel seperti ini memberi ruang kepada Pusat Sekretariat Akreditasi (ASC) mendapatkan maklumat dan pandangan peserta serta menyediakan inisiatif penambahbaikan berkaitan kaedah penilaian yang terbaik kepada pegawai pelatih selaras dengan spesifikasi kualiti yang telah ditetapkan oleh Quality Assurance Agency (QAA), UK.

Peserta bengkel terdiri daripada 25 orang pegawai iaitu Subject Module Leader (SML), Co SML serta tenaga pengajar Program Akreditasi Kursus Asas SPRM.



BENGKEL ‘ENGLISH LANGUAGE PROFICIENCY SERIES 1/2019 AND 2/2019’ BAGI PROGRAM AKREDITASI KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM

Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM dengan kerjasama Nottingham Trent Universiti United Kingdom merupakan program yang menggunakan medium Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya. Justeru, Bengkel ‘English Language Proficiency Series 1/2019 and 2/2019’ dianjurkan oleh Pusat Sekretariat Akreditasi (ASC), MACA dan Pusat Bahasa, MACA pada 6 hingga 9 Ogos 2019 di Hotel Mahkota, Melaka serta pada 22 hingga 25 Oktober 2019 di Grand ION Delemens Hotel, Genting Highlands bagi memberi pengetahuan dan kefahaman kepada peserta iaitu tenaga pengajar MACA dalam penggunaan Bahasa Inggeris yang betul secara lisan dan bertulis.

Di samping itu, bengkel yang dikendalikan oleh PsK (K) Arlina Zura binti Zuber dan PsK (K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah daripada Pusat Bahasa, MACA ini turut meningkatkan kemahiran peserta dalam kemahiran penyampaian pembelajaran kepada pegawai pelatih Program Akreditasi Kursus Asas SPRM.

Bengkel ini juga merupakan salah satu pra-syarat yang perlu dilengkapkan serta dinyatakan dalam sesi validasi Program Akreditasi Kursus Asas iaitu MACA hendaklah menyediakan strategi pembangunan pegawai dan kakitangan secara komprehensif selama tempoh akreditasi ini berjalan termasuk meningkatkan keupayaan tenaga pengajar melalui kursus-kursus yang berkaitan pembangunan latihan, latihan berkaitan pengurusan kewangan dan pentadbiran serta kemahiran berkomunikasi.

Hasil daripada penganjuran kedua-dua bengkel ini, peserta dapat meningkatkan lagi teknik memberi ceramah dan dapat membuat penambahbaikan metodologi dalam pembangunan modul dengan menggunakan aplikasi-aplikasi interaktif seperti Google Classroom, Padlet, Mentimeter dan Kahoot.



KURSUS PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PENGUKUHAN SKIL JURULATIH/ FASILITATOR/ PENCERAMAH

Salah lagi kursus di bawah Program Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA) hasil inisiatif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti Tenaga pengajar (jawatan tetap) di Institut Latihan Awam (ILA) ialah Kursus Peningkatan Kompetensi Dan Pengukuhan Skil Jurulatih/ Fasilitator/ Penceramah. Pelaksanaan program ini pada 15 hingga 17 Oktober 2019 di Hotel Regal Park, Kuala Lumpur adalah di bawah pemantauan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Unit Pengurusan Biasiswa Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Program latihan ini mempunyai objektif yang jelas bagi melahirkan jurulatih atau tenaga pengajar yang mantap, berkaliber dan berpengetahuan serta memahami teknik penyampaian yang meyakinkan dan teratur. Selain itu, para peserta juga berpeluang mempelajari kaedah menguasai peserta dan situasi serta teknik penyampaian ceramah yang efektif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Diyakini bahawa ilmu dan informasi yang diperoleh akan membantu meningkatkan tahap profesionalisme pegawai yang telah menyertai program latihan tersebut.



KURSUS RAHSIA CERAMAH MEMUKAU (RCM)

Program Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA) merupakan satu inisiatif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti Tenaga pengajar (jawatan tetap) dan penceramah jemputan yang mengajar di ILA. Pelaksanaan program ini adalah di bawah pemantauan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Unit Pengurusan Biasiswa Dalam Perkhidmatan, JPA.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah melaksanakan Kursus Ceramah Memukau yang bertujuan untuk mendedahkan para peserta untuk mempelajari teknik-teknik dalam menyampaikan ceramah berkesan serta memantapkan lagi keyakinan diri dalam menyampaikan ceramah.

Dalam sesi program latihan tersebut yang berlangsung pada 21 – 24 Oktober 2019 di MACA, para peserta berpeluang untuk lebih memahami kepentingan latihan dan persembahan, teknik dalam menyusun ‘flow of thought’, menyuntik elemen menarik dengan penggunaan warna dan visual dalam slaid persembahan serta mengaplikasikan seni lakonan dalam pembentangan apabila berhadapan dengan audien.

Program latihan ini memberi pendedahan kepada peserta dalam meningkatkan kompetensi dan pengukuhan skil sebagai penceramah. Selain itu, ilmu dan informasi yang disampaikan dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisme pegawai. Kursus dikendalikan oleh penceramah hebat Haji Mohd Faizul Ikhwan Erusan dari Success Touch Enterprise.



KURSUS PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan ini merupakan kursus anjuran Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan MACA yang dianjurkan pada 23 hingga 25 Julai 2019 dengan kerjasama Bahagian Kewangan, Akaun dan Pengurusan, Ibu Pejabat SPRM.

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan ini bertujuan bagi mengimbas semula kaedah mengurus aset alih kerajaan dengan lebih terperinci dan teratur agar jurang dalam pengurusan aset alih ini dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Program latihan ini telah memberi impak positif kepada pegawai aset SPRM yang mana mereka berpeluang mempertingkatkan mutu dan pengetahuan mengenai aset alih kerajaan dengan lebih terperinci.



KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN e-PEROLEHAN KERAJAAN

Bertempat di The Klagan Hotel, Kota Kinabalu, Sabah telah diadakan satu Kursus Pengurusan Kewangan dan e-Perolehan Kerajaan yang dianjurkan oleh Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan, MACA. Kursus ini diadakan selama tiga hari iaitu pada 24 hingga 26 September 2019 dan disertai oleh 21 orang peserta.

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah bagi memberi pendedahan tentang tatacara kewangan yang betul serta terperinci kepada pegawai-pegawai kanan daripada bahagian, negeri serta cawangan SPRM yang mempunyai Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) sendiri. Peserta juga diberi kefahaman dalam mengendalikan kod kewangan dengan betul serta tepat agar tidak tersasar dalam melaksanakan tatacara kewangan yang telah ditetapkan dalam pekeliling perbendaharaan kerajaan. Selain itu peserta telah diberi pendedahan cara menguruskan kewangan kerajaan dengan lebih sistematik.



KURSUS PERSEDIAAN BAKAL PESARA

Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan, MACA telah menganjurkan Kursus Persediaan Bakal Pesara SPRM selama tiga hari iaitu pada 20 hingga 22 Ogos 2019 bertempat di Hotel Grand Continental, Langkawi.

Kursus yang dihadiri 21 orang peserta ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga SPRM yang bakal bersara. Pendedahan berkenaan melibatkan pengiraan gratuity yang bakal perolehi serta pengiraan jumlah pencen yang akan diterima oleh bakal pesara. Selain itu, bakal pesara juga perlu melaksanakan beberapa tatacara bagi memudahkan proses dokumentasi dalam urusan pencen. Mereka juga diberi pencerahan mengenai proses pengendalian pencen oleh waris sekiranya pesara meninggal dunia.



PROGRAM LATIHAN “EFFECTIVE COMMUNICATION SKILLS FOR MACA ADMINISTRATIVE STAFF”

Sebagai salah satu bahagian penting dalam struktur pentadbiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), adalah amat penting bagi semua pegawai dan kakitangan MACA untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan baik, bukan sahaja untuk berkomunikasi dengan rakan sekerja, tetapi juga untuk memudahkan komunikasi dengan klien di peringkat global dan antarabangsa.

Justeru, Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin menyokong sepenuhnya penganjuran program latihan ini oleh Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA dengan kerjasama Pusat Bahasa, MACA yang dilaksanakan dalam 3 fasa, khusus untuk pegawai dan kakitangan MACA iaitu pada 24 hingga 26 September 2019, 29 hingga 31 Oktober 2019 dan 18 hingga 20 November 2019 di MACA.



PAMERAN

Pameran sempena Majlis
Pelancaran Pelan Antirasuah
Nasional - (NACP)
29 Jan 2019



Pameran sempena Seminar “Managing Corruption At The Workplace” dengan kerjasama Malaysian Employer Federation (MEF)

17 Jan 2019



Pameran sempena Petronas Integrity Day
4 Nov 2019



LAWATAN

Maktab Penjara Malaysia: 27 Feb 2019



**Bahagian Latihan
PDRM Bukit Aman:**
13 Mac 2019



**Kunjungan Hormat
Inspektor Jeneral ATM:**
19 Mac 2019



**Peserta Kursus
Asas Perisikan
& Perundungan
Pegawai Sains
Kesihatan
Bersekutu
(Kump II) KKM:
16 Julai 2019**



**Lawatan Kerjasama
Strategik BPSM SUK
Selangor/PULAPES/PLAS:
11 Sept 2019**





The background features a complex, abstract graphic design. It consists of a central grid-like structure with various arrows indicating movement or flow in different directions. Several large, stylized hexagons are scattered throughout the scene, some filled with dark purple or black and others outlined in black. The overall aesthetic is modern and technical, suggesting a digital or industrial environment.

PENGURUSAN

PENGURUSAN

LAPORAN BAGI ASET MACA 2019

Bagi tahun 2019 kuantiti aset alih bagi harta modal ialah **1,097** dengan nilai **RM 3,827,480.15** manakala jumlah aset alih bernilai rendah ialah **5,317** dengan nilai **RM 1,642,024.20**. Jumlah keseluruhan aset di MACA pada tahun 2019 adalah seperti jadual di bawah:

LAPORAN ASET MACA BAGI TAHUN 2019

	KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)
HARTA MODAL	1,097	3,827,480.15
ASET ALIH BERNILAI RENDAH	5,317	1,642,024.20
JUMLAH KESELURUHAN ASET ALIH	6,414	5,469,504.35

PERUNTUKAN MENGURUS KEWANGAN MACA BAGI TAHUN 2019

Unit Kewangan di bawah Bahagian Pengurusan MACA bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan mengurus digunakan secara berhemah. Justeru, perancangan rapi telah diatur sejak awal lagi bagi mengelakkan pembaziran.

Peruntukan mengurus tahunan MACA dari tahun 2016 hingga 2019 seperti dalam **Carta 1**. Prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus bagi tahun 2019 pula MACA berjaya mencapai **94.38%** yang dinyatakan dalam **Carta 2**.

CARTA 1: PERUNTUKAN MENGURUS MACA DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019



CARTA 2: PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MACA BAGI TAHUN 2019




Perjawatan MACA bagi Tahun 2019

Berdasarkan Waran Perjawatan A100/2019, terdapat sejumlah 128 perjawatan yang merangkumi pegawai SPRM dan pegawai gunasama pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 111 jawatan telah diisi yang menyumbang sebanyak 86.72% dan terdapat sebanyak 17 kekosongan pada tahun 2019 seperti yang dinyatakan dalam carta dibawah:

PERJAWATAN MACA BAGI TAHUN 2019

	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PEGAWAI SPRM	63	56	7
PEGAWAI GUNASAMA	65	55	10
JUMLAH	128	111	17



SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BERSEPADU (SPMB) MACA



Bertujuan mengautomasikan pengurusan latihan yang lebih berkesan dan melatih modal insan sektor awam / swasta / antarabangsa untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha Pencegahan Rasuah



Skop projek merangkumi pembangunan sistem, perolehan perisian dan perkhidmatan (Pengurusan projek, Pengurusan perubahan dan latihan)



Anggaran kos keseluruhan projek bernilai RM 3 juta menggunakan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11, RP4



Projek pembangunan dan penggunaan sistem dijangka dalam tempoh 24 bulan bermula dari tahun 2020 hingga 2022



Sistem dibangun dengan menggunakan khidmat syarikat Uni-Technologies Sdn. Bhd.

OBJEKTIF SPMB

Meningkatkan kecekapan pengurusan kursus dan latihan yang efisien dan berkesan sesuai dengan perkembangan MACA ke arah penubuhan sebuah Kolej Pencegahan Rasuah yang pertama di dunia pada tahun 2025

Menguruskan proses penganjuran sesebuah kursus bermula dari hebahan, pendaftaran kursus, Pengurusan kursus dan peserta, penilaian sebelum dan selepas kursus sehingga tamat kursus

Mewujudkan pangkalan data dan rujukan bagi tujuan menganalisa maklumat peserta, penceramah dan kursus bagi mengukur kompetensi peserta dan keberkesanan kursus.

IMPAK SPMB



BENGKEL PEMBANGUNAN KEPERLUAN PEGGUNA SPMB

Bengkel Penyediaan Spesifikasi Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) MACA (21 Februari 2019)

Bengkel Function Point Analysis bagi Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) MACA (30 Oktober 2019 – 1 November 2019)



LAWATAN PENANDAARASAN SPMB

Bagi menjayakan projek SPMB MACA, pasukan SPMB MACA telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Institut Latihan Awam tempatan dan antarabangsa agar lebih memahami, mendapatkan idea serta mempelajari sistem pengurusan latihan dan maklumat yang digunakan oleh agensi lain. Antara agensi yang dilawati ialah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Bukit Kiara, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor, Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB), Singapura dan Home Team Academy, Singapura.

Di samping itu, Pasukan SPMB turut berpeluang mengkaji dan menilai amalan terbaik (*best practices*) yang diguna pakai di negara berkenaan selain membina jaringan hubungan yang bermakna untuk tujuan kerjasama pada masa akan datang.



Institut
Tadbiran Awam
Negara (INTAN),
Bukit Kiara



Institut Latihan
Kehakiman dan
Perundungan
(ILKAP)



Universiti
Teknologi
Malaysia (UTM),
Johor Bahru



Corrupt
Practices
Investigation
Bureau (CPIB),
Singapura



Home Team
Academy,
Singapura



BENGKEL-BENGKEL SPMB MACA

Bengkel Penyediaan Spesifikasi SPMB MACA telah diadakan pada 21 Februari 2019 bertempat di Hotel Mutiara, Johor Baharu, Johor. Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk menerangkan keseluruhan fungsi dan spesifikasi sistem kepada ahli jawatankuasa pemandu projek SPMB berdasarkan keseluruhan maklumat yang telah dikumpul daripada Subject Matter Expert (SME) sebelum ini.

Selain itu, peserta turut membincangkan idea dan cadangan-cadangan fungsi serta spesifikasi sistem oleh pihak pengguna (MACA) dan penasihat teknikal (Cawangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CTMK) yang bersesuaian untuk penambahbaikan. Peserta bengkel turut menyediakan dokumentasi spesifikasi sistem yang telah dipersetujui oleh semua ahli jawatankuasa bagi proses penyediaan tender.

Pada 30 Oktober 2019 – 1 November 2019 bertempat di Cawangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CTMK), Ibu Pejabat SPRM, Bengkel Function Point Analysis bagi SPMB MACA telah diadakan. Bengkel yang telah dihadiri oleh seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Teknikal Projek SPMB dan pihak konsultan dari MAMPU ini dianjurkan untuk memenuhi kelulusan bersyarat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang mana SPRM perlu melaksanakan Function Point Analysis berdasarkan fungsi bisnes sistem aplikasi untuk mendapatkan kos dan jangkamasa projek.



MIGRASI SISTEM TELEFON PABX KEPADA SISTEM DIGITAL IP PHONE DI AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai sebuah hub latihan pencegahan rasuah bertangungjawab untuk menyediakan program-program latihan untuk pegawai SPRM, agensi awam, swasta dan antarabangsa. Justeru, kemudahan alatan komunikasi perlu berada di tahap yang terbaik sejajar dengan perubahan teknologi semasa.

MACA sejak dari awal penubuhannya menggunakan sistem dan peralatan telefon jenis analog atau juga dikenali sebagai sistem **PABX**. Unit Teknologi Maklumat MACA telah mencadangkan agar sistem lama ini dinaiktraf kepada **Sistem Digital IP Phone** bagi memastikan kemudahan peralatan komunikasi di MACA mengikut teknologi semasa dan mudah diselenggara.

Migrasi ini ternyata mengurangkan kos penyelenggaran bagi peralatan dan sistem telefon MACA disebabkan oleh penggunaannya yang telah menjangkau tempoh 11 tahun. Migrasi sistem telah dilakukan bermula 21 November 2019 dengan kos RM278,800.00.

Antara impak positif lain ialah:-



Menjimatkan masa baikpulih disebabkan tempoh kerosakan yang lama akibat daripada tiada alat ganti di pasaran/ permasalahan teknikal lain.



Membantu operator membuat semakan ke atas talian masuk serta dapat merekod perbualan untuk tujuan keselamatan dan juga tambahbaik perkhidmatan telefonis.




Mengelakkan berlakunya kerosakan kekal di masa hadapan sehingga terputusnya talian telefon ke MACA disebabkan oleh peralatan sistem yang rosak dan tiada lagi alat ganti di pasaran.



Menambahbaik sistem keselamatan perkakasan untuk lebih ampuh dari faktor luaran seperti kilat dan litar pintas kerana sistem analog yang lama lebih cenderung untuk terkena kilat serta renjatan litar pintas.

Migrasi Sistem Telefon PABX kepada Sistem Digital IP Phone di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia



PROGRAM LATIHAN PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) 2019

Kebakaran merupakan satu tragedi yang harus dielakkan dengan mengambil langkah-langkah keselamatan yang disyorkan oleh pihak Bomba. Kebakaran juga boleh menyebabkan kehilangan harta benda dan nyawa. Justeru, Unit Keselamatan MACA telah mengadakan Kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran (PKK) 2019 MACA bertempat di Dewan Kuliah Sabah, MACA. Kursus ini telah berlangsung selama dua hari mulai 28 hingga 29 Januari 2019 melibatkan 25 orang peserta. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Cawangan Sentul, Kuala Lumpur.

Kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) ini memberi pengetahuan dan tindakan yang perlu dilakukan kepada pegawai dan staf MACA yang telah dipilih dan dilantik sebagai pasukan keselamatan kebakaran. Kursus ini juga bertujuan mewujudkan satu pasukan keselamatan yang mampu mengurus kejadian kes-kes kecemasan seperti kebakaran dan sebagainya dengan lebih baik dan berkesan. Kursus ini merupakan kesinambungan daripada laporan pemeriksaan keselamatan kebakaran pada tahun 2013.

Penganjuran program latihan ini memberi pencerahan tentang tugas dan tanggungjawab pasukan keselamatan kebakaran MACA dan memahami cara-cara untuk membentuk dan mengimplemenasi prosedur Pelan Tindakan Kecemasan. Selain itu, melalui kursus ini peserta dapat mengenalpasti kepentingan prinsip pengurusan risiko serta pengurusan keselamatan kebakaran.

Di akhir program ini, peserta dapat menghasilkan cara-cara gerak kerja yang lebih baik dan bersistematik dalam hal-hal kecemasan atau pun kes-kes kebakaran sekiranya berlaku di MACA serta dapat mengurangkan kemalangan atau mengelakkan kehilangan nyawa sekiranya berlaku kebakaran.



EVACUATION DRILL EXERCISE

Rentetan pembentukan Pasukan Keselamatan Kebakaran (PKK) MACA dalam program latihan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Sentul pada 28 hingga 29 Januari 2019, Unit Keselamatan MACA telah menganjurkan aktiviti "Evacuation Drill Excercise" bertempat di Dewan Kuliah Sabah, MACA yang melibatkan semua kakitangan MACA pada 1 Mac 2019.

Latihan ini bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan sedia ada dan mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi mempertingkatkan keselamatan fasiliti MACA yang sedia ada serta menguji tahap keyakinan individu serta organisasi semasa latihan. Ia juga memberi pendedahan dan pengalaman kepada anggota PKK mengenai cara-cara menggunakan peralatan pencegahan dan teknik memadam kebakaran serta memindahkan mangsa yang terlibat dengan kebakaran.

Di penghujung program, setiap warga MACA lebih faham mengenai bahaya kebakaran dan cara-cara bertindak dengan cepat, tepat dan betul semasa dan selepas tragedi kebakaran hingga keadaan diisythir selamat.



PEMERIKSAAN KESELAMATAN KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN 1959 OLEH PENGARAH PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN (KPKK) WPKL

Pada 24 Januari 2019, Program Pemeriksaan Keselamatan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 oleh Pengarah dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK) WPKL iaitu Encik Sharifudin bin Palawa, telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, MACA.

Pemeriksaan keselamatan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kualiti keselamatan perlindungan fizikal di dalam Kawasan Larangan MACA berpandukan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 serta pekeliling yang berkaitan.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menilai tahap keselamatan perlindungan di MACA bagi memenuhi kriteria di dalam Garis Panduan Tahap Keselamatan Fizikal Kawasan Larangan dan Tempat Larangan serta keperluan-keperluan di dalam Borang KLTL 1/2005 sepetimana yang ditetapkan.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, satu laporan untuk penambahbaikan telah dikeluarkan oleh Unit Keselamatan MACA dalam usaha untuk memastikan keselamatan di MACA berada di tahap yang terbaik.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PERPUSTAKAAN IBU PEJABAT SPRM

Proses pembelajaran bukan sahaja berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Proses pembelajaran ini boleh dipelbagaikan melalui aktiviti-aktiviti di luar bilik kuliah. Pihak Perpustakaan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 12 Januari 2019. Aktiviti ini melibatkan 130 orang pegawai kadet SPRM siri 23 Bilangan 1/2018 dan diiringi oleh 5 orang pegawai dan kakitangan MACA.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pendekatan yang lebih meluas dalam usaha pencarian bahan bacaan dan maklumat yang berkaitan untuk sesi pembelajaran pegawai kadet SPRM. Program ini juga mendidik mereka untuk terus menimba ilmu pengetahuan yang lebih mendalam agar menjadi pegawai SPRM yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme.

Di samping itu juga, program ini dapat membantu melahirkan generasi Pegawai SPRM yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi yang unggul dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadau serta dapat memberikan sumbangan pada jabatan, masyarakat dan negara.



HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA

Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia disambut setiap tahun bagi memupuk tabiat membaca secara berterusan di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. Sambutan ini adalah resolusi daripada persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 15 November 1995 yang mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku.

Penganjuran Sambutan Hari Buku Sedunia 2019 ini adalah sebagai mekanisme untuk menyemarakkan budaya membaca dan aplikasinya dalam kehidupan serta memberi kesedaran kewujudan sambutan Hari Buku sedunia bagi memupuk minat membaca di kalangan warga MACA untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu yang dijalankan bagi meningkatkan nilai keintelektualan di kalangan mereka.

Ketika sambutan Hari Buku Sedunia ini, pelbagai aktiviti disusun untuk memupuk tabiat suka membaca. Oleh itu, Perpustakaan MACA telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan pertandingan ‘Ulasan Buku Kegemaran’ dan ‘Meneka Jumlah Muka Surat Buku’ yang dipamerkan di Ruang Bacaan Perpustakaan MACA.

Warga MACA yang berminat menyertai pertandingan tersebut telah menghantar penyertaan bagi menjayakan aktiviti Sambutan Hari Buku Sedunia ini. Pertandingan Teka Muka Surat Buku telah dimenangi oleh P/PKpj Mohd Saud Ayutollah Bin Abdul Manan, manakala pemenang bagi pertandingan Ulasan Buku telah dimenangi oleh PPs Mohd Yasri Bin Yahya.

Program ini dianggap mampu menerapkan budaya membaca dalam kalangan warga MACA sekaligus merealisasikan slogan Perpustakaan Negara Malaysia untuk menjadikan “Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku 2020”.



MALAYSIA #QURANHOUR

Penganjuran Malaysia #QuranHour merupakan sebuah kempen “MengQurankan Bangsa dan Mengikhlaskan Ummah” dengan mengajak rakyat Malaysia yang berada di dalam dan luar negara untuk berinteraksi dengan al-Quran melalui teknik baca, faham dan amal sebagai kerangka fikir bangsa yang merdeka. Program ini dilaksanakan pada 30 Ogos 2019 bertempat di Ruang Bacaan Perpustakaan MACA.

Bagi tahun 2019, Surah Al-Kahf dipilih sebagai surah tema yang membawakan panduan untuk menghadapi cabaran akhir zaman. Dalam gerakan berinteraksi dengan al-Quran di seluruh dunia, Surah Al-Kahf telah dikupas dalam konteks 4 kisah yang merujuk kepada 4 cabaran utama serta solusi berpandukan al-Quran iaitu cabaran Iman, cabaran Harta, cabaran Ilmu dan cabaran Kuasa. Surah Al-Kahf antara lainnya menfokuskan kepentingan syukur dan kehidupan akhirat yang lebih kekal berbanding kesenangan di dunia. Al-Quran yang ditadabbur (dihayati) adalah sumber hikmah dan penghayatan melalui tazakkur (mengingati semula) dapat menjadikan nilai-nilainya sebagai tindakan pelaksanaan yang dapat dikongsi secara harmoni oleh rakyat berbilang bangsa dan agama seperti dalam negara Malaysia.

Usaha ini diharapkan dapat membawa masyarakat agar menjadikan al-Quran dan nilai yang diperolehi daripadanya sebagai solusi dan cara hidup seterusnya konsep Rahmatan lil Alamiin dapat menjadi teras kepada kesepaduan ummah di Malaysia secara khususnya dan di seluruh dunia secara umumnya.





KELAB KEBAJIKAN & REKREASI MACA / PUSPANITA CAWANGAN MACA

KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MACA / PUSPANITA CAWANGAN MACA



PERTANDINGAN BOLING WARGA MACA

Pada 28 Ogos 2019, Kelab MACA telah menganjurkan pertandingan boling secara santai bersama Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj Idris Bin Zaharudin di Ampang Superbowl, eCurve, Mutiara Damansara, Selangor.

Pertandingan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada 30 peserta dalam kalangan pegawai dan kakitangan MACA. Juara Kumpulan disandang oleh Kumpulan 8 yang diwakili oleh PsK Vijayarao a/l Sepermaniam, P/PsK Normiriaty binti Haini, P/PsK Shani bin Mandu dan PKPs Razmy bin Zulkifli. Manakala juara individu kategori lelaki dan wanita dimenangi oleh PsK Vijayarao a/l Sepermaniam dan PPs Idzawati binti Darus.

Aktiviti seperti ini ternyata dapat melahirkan warga MACA yang aktif dan cergas di samping mengeratkan lagi hubungan di antara pegawai dan kakitangan MACA.

MAJLIS MAKAN MALAM “HAWAIIAN ALOHA”

Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA Sesi 2019-2020 telah mengadakan Majlis Makan Malam di Hotel De Baron, Langkawi pada 12 Oktober 2019 bertemakan “Hawaiian Aloha”.

Antara aktiviti yang diadakan adalah pertandingan karaoke dan juga acara cabutan bertuah. Majlis turut diserikan dengan kehadiran tetamu jemputan khas YBhg. Dato' Shaharom Nizam bin Abd Manap, Pengarah SPRM Kedah serta YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA sekeluarga.

Program seperti ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan oleh pihak Pengurusan MACA kepada semua warga kerja MACA di atas pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2019.





MAJLIS IFTAR RAMADHAN MACA

Sebulan tahun, KKR MACA pasti akan menyemarakkan Ramadhan Al-Mubarak dengan program-program keagamaan. Pada 23 Mei 2019, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA telah mengadakan Majlis Iftar Ramadhan MACA. Majlis dimulai dengan Program Ceramah Kerohanian bertajuk "Ramadhan Sebagai Kunci Pemangkin Integriti Diri" yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Mohd Nadzri bin Hj. Mustakim.

Majlis Iftar Ramadhan ini juga turut diserikan dengan kehadiran anak-anak yatim dan asnaf dari Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Baharu, Selayang. Mereka diraikan dengan penyampaian sumbangan iklhas oleh YBhg. Dato' Pengarah MACA.

Pelbagai juadah dihidangkan hasil sumbangan Puspanita MACA dan warga kerja MACA. Selesai Majlis Iftar, warga MACA seterusnya menunaikan Solat Isyak dan Solat Sunat Tarawikh berjemaah di Surau Al-Ghazali MACA.

MESYUARAT AGUNG KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MACA

Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA telah diadakan pada 14 Mac 2019. Mesyuarat ini diadakan setiap 2 tahun bagi melantik barisan Ahli Jawatankuasa yang baru bagi sesi 2019-2020.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Presiden Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA Sesi 2017-2018, P/PKPj Saud Ayutollah bin Abdul Manan dan sekaligus membubarkan Jawatankuasa KKR MACA bagi sesi 2017-2018 secara rasmi.

Pada pemilihan Mesyuarat Agung tersebut, PKPj Irawan bin Khilir telah terpilih sebagai Presiden KKR MACA yang baharu. Manakala Puan Nurul Faizzah binti Mohddin pula dilantik sebagai Setiausaha dan Encik Amir Waqiuuddin bin Idris dilantik sebagai Bendahari. Berkuatkuasa 01 September 2019, jawatan Presiden KKR MACA telah disandang oleh Puan Katherene Shamala a/p Nageswaran berikutan pertukaran PKPj Irawan bin Khilir ke Ibu Pejabat SPRM.





JUALAN SARAPAN PAGI

Biro Ekonomi KKR MACA telah meneruskan dan menambahbaik inisiatif bagi menyediakan ruangan bagi Jualan Sarapan Pagi di Kafe Kelab MACA. Program ini turut disertai oleh Puspanita MACA dengan menyediakan pelbagai jualan sarapan pagi yang telah sedia dimasak.

Ini bagi menjana sumber pendapatan KKR MACA untuk melaksanakan program yang dirancang tanpa kekangan kewangan. Selain itu, ia juga memberi ruang kepada ahli yang berminat dalam dunia keusahawanan untuk menambah sumber pendapatan mereka.



PROGRAM KEBAJIKAN WARGA MACA

KR MACA juga turut memberikan sumbangan ikhlas kepada ahli yang ditimpa musibah sepanjang tahun 2019. Pada 27 November 2019 wakil Kelab MACA telah menghadiri majlis pengebumian Allahyarham En Shaharudin bin Daud dari Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan yang telah meninggal dunia akibat penyakit kanser.

Selain itu, wakil kelab MACA juga telah menziarahi pengebumian ibu kepada Puan Nurul 'Ain binti Mohd Sham dari Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat yang telah menghembuskan nafas terakhir pada 4 Julai 2019.

Biro Kebajikan Kelab MACA juga turut meraikan ahli-ahli yang menerima kelahiran cahaya mata, mendirikan rumahtangga, bersara dan menyambut harijadi.





SEMPENA MESYUARAT TERHIMPUN PUSPANITA SPRM KE 14

Puspanita Cawangan MACA telah dilantik sebagai Jawatankuasa Jualan dan Keusahawanan untuk Mesyuarat Terhimpun Puspanita SPRM Ke 14 Tahun 2019 bertempat di Auditorium SPRM, Putrajaya pada 18 April 2019. Oleh itu, Puspanita MACA telah membuka ruang kepada peniaga-peniaga dalam kalangan ahli Puspanita untuk bermula sepanjang program tersebut. Puspanita MACA membuka gerai jualan pelbagai jenis kek bagi menjana pendapatan.





JUALAN JAMBANGAN BUNGA SEMPENA KONVOKESYEN CEIO KALI KE-8

Bagi menambah pendapatan, Puspanita Cawangan MACA telah menyewakan meja jualan jambangan bunga sempena Majlis Konvokesyen CelO kali ke-8 di Dewan Perdana Mestika, Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 14 November 2019.







The background features a complex arrangement of geometric shapes, primarily hexagons, some filled with dark purple or black and others outlined in black. Arrows of various sizes and directions are scattered throughout, indicating movement or flow. The overall aesthetic is minimalist and modern, with a focus on form and space.

IMBASAN

IMBASAN

Top Book Borrower Of
The Year 2019



PsK Pang Mai Teck



Konvensyen SPRM 2019

08 hingga 11 November 2019





Majlis Amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM

20 Ogos 2019





Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan SPRM

14 hingga 17 Februari 2019



Sesi Fotografi Aidilfitri 2019

27 Mei 2019





Harir Keluarga MACA 2019

11 hingga 13
Oktober 2019



Sidang Redaksi

Laporan Tahunan
MACA 2019

KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar
PsK Abdul Malek bin Abdullah
PsK Shani bin Mandu
PsK(K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah
Ps Mazri bin Mansor
Ps Wan Mohd Shukry bin Wan Ahmad
P/PKPs Nora binti Bahrin
PPs Nor Muhammad Shafiq bin Abdul Aziz
PPs(K) Nur Shahida Azlin binti Mohd Dee
Pn. Norul Hazlina binti Mohamed Atar
Pn. Noor Hasni binti Abdul Rahim
Pn. Suryana binti Sulaihin
Pn. Hairulnisak binti Kassim
En. Saidin Omar bin Muchlis





Ahli Jawatankuasa Pelaporan

Laporan Tahunan MACA 2019



PsR(K) Arlina Zura binti Zubir
P/KPKPs Nelmy binti Amrizal
PKPs Mahmud bin Zaharia
PPs Normizol bin Junoh
PPs Zulfadzly bin Abd Jalil
PPs Sheikh Mohd Hilmi bin Sheikh Abdul Halim
PPs Nor Farihan binti Hassan
PPs Noorhusnaini binti Md Hilimi
PPs Mohammad Jainiarudin bin Zainiar
PPs Soffi Azwa binti Mohd Noor
PPs Delvinder Singh a/l Jasvir Singh
PPs Nik Asiah binti Nik Omar
PPs Idzawati binti Darus
Puan Che Rohana binti Che Heng
Puan Nurul Faizzah binti Mohaddin
Puan Norliana binti Osman
Puan Mashithoh binti Shafie
Puan Nur Shafikah binti Md Nasir



2019

Laporan Tahunan MACA

20

ISSN 2289-5493



9 772289 549006

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur.

603 6209 2800

603 6201 8539

info.maca@sprm.gov.my

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

<http://www.sprm.gov.my/maca>